


# LAPORAN TAHUNAN 2012



PUSAT PENGAJIAN ANTARABANGSA  
PUSAT LATIHAN ASAS  
PUSAT PEMBANGUNAN INTEGRITI KORPORAT  
PUSAT PERANCANGAN PENYELIDIKAN DAN KORPORAT  
PUSAT KECEMERLANGAN KEPIMPINAN  
SEKOLAH PENYIASATAN  
SEKOLAH PERISIKAN  
SEKOLAH PERUNDANGAN DAN PENDAKWAAN  
SEKOLAH PENCEGAHAN RASUAH DAN PENGURUSAN  
BARAGIAN PENGURUSAN  
MACA WILAYAH TIMUR



**MACA**  
AKADEMI PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA

PENERAJU PUSAT KECEMERLANGAN PENCEGAHAN RASUAH



PUSAT PENGAJIAN ANTARABANGSA

PUSAT LATIHAN ASAS

PUSAT PEMBANGUNAN INTEGRITI KORPORAT

PUSAT PERANCANGAN  
PENYELIDIKAN DAN KORPORAT

PUSAT KECEMERLANGAN KEPIMPINAN

SEKOLAH RENYIASATAN

SEKOLAH PERISIKAN

SEKOLAH PERUNDANGAN  
DAN PENDAKWAAN

SEKOLAH PENCEGAHAN  
RASUAH DAN PENGURUSAN  
BAHAGIAN PENGURUSAN

MACA WILAYAH TIMUR





# MALAYSIA ANTI-CORRUPTION ACADEMY

## KANDUNGAN

PERUTUSAN KETUA PESURUHJAYA SPRM	4
SEKAPUR SIRIH TIMBALAN KETUA PESURUHJAYA SPRM	5
KATA ALU-ALUAN PENGARAH MACA	6
MAKLUMAT KORPORAT	
• Sejarah MACA	8-9
• Visi, Misi, Objektif Dan Piagam Pelanggan	9-10
Kumpulan Sasaran	11
• Carta Organisasi	12
PUSAT PENGAJIAN ANTARABANGSA	13-20
PUSAT LATIHAN ASAS	21-28
PUSAT PEMBANGUNAN INTEGRITI KORPORAT	29-40
PUSAT PERANCANGAN PENYELIDIKAN DAN KORPORAT	41-48
PUSAT KECEMERLANGAN KEPIMPINAN SPRM	49-54
SEKOLAH PENYIASATAN	55-60
SEKOLAH PERISIKAN	61-64
SEKOLAH PERUNDANGAN DAN PENDAKWAAN	65-70
SEKOLAH PENCEGAHAN RASUAH DAN PENGURUSAN	71-76
BAHAGIAN PENGURUSAN	77-82
MACA WILAYAH TIMUR	83-86
KUNJUNGAN OLEH AGENSI DALAM DAN LUAR NEGARA	87-92
ANALISIS PENCAPAIAN TAHUN 2012	93-98
LAMPIRAN	99-105



**PERUTUSAN  
KETUA PESURUHJAYA SPRM**

**Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera**

Syabas dan tahniah diucapkan kepada Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) yang secara konsisten dan komited dalam inisiatif memperkenalkan MACA khususnya dan SPRM amnya dalam pembangunan kapasiti dan kapabiliti modal insan organisasi. Kelahiran sulung Laporan Tahunan MACA 2012 ini telah menjadi satu lagi penanda aras kepada inisiatif berterusan pihak MACA mendokumentasikan pencapaian yang dilalui.

Saya berbangga dengan pencapaian MACA sepanjang tahun 2012 dalam pengendalian program latihan pencegahan rasuah yang berkualiti dan komprehensif terutama melibatkan peserta-peserta luar negara. Pertambahan bilangan peserta luar negara menyertai program yang dianjurkan oleh MACA, membuktikan keyakinan mereka terhadap MACA sebagai Peneraju Pusat Kecemerlangan Pencegahan Rasuah.

Adalah diharapkan MACA akan terus menggiatkan aktiviti terutama dalam bidang penyelidikan ke arah menjadikan MACA sebagai sebuah pusat rujukan serantau berkaitan pencegahan rasuah. Selamat maju jaya.

Sekian, terima kasih.

Tan Sri Hj Abu Kassim bin Mohamed  
Ketua Pesuruhjaya  
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia



## **SEKAPUR SIRIH TIMBALAN KETUA PESURUHJAYA SPRM**

**Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera**

Bersyukur kita kehadrat Allah. S.W.T kerana dengan limpah kurniaNya juga, Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) buat julung kalinya berjaya menerbitkan Laporan Tahunan MACA 2012. Sejak ditubuhkan pada tahun 2005 sehingga 2011 sebahagian aktiviti MACA dimasukkan dalam Laporan Tahunan BPR/SPRM. Dengan terbitnya Laporan Tahunan MACA 2012 kebanyaknya aktiviti tahunan MACA akan dilaporkan. Inisiatif untuk menerbitkan buku laporan ini merupakan kebanggaan kepada MACA dan SPRM secara amnya kerana ianya merupakan dokumen, sejarah yang merekodkan komitmen warga MACA dalam menyediakan ruang pembelajaran dan pembangunan untuk meningkatkan pembinaan keupayaan modal insan dalam bidang-bidang latihan yang ditawarkan oleh MACA. Saya mengucapkan tahniah kepada seluruh warga MACA terutama kepada YBhg. Dato' Abdul Wahab bin Abdul Aziz, Pengarah MACA di atas penghasilan buku laporan ini.

Program-program latihan yang dilaksanakan oleh MACA sepanjang tahun 2012 telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada warga SPRM dari seluruh pelusuk negara, pegawai sektor awam, swasta dan agensi antarabangsa. Kejayaan ini adalah hasil perkhidmatan cemerlang warga MACA dalam pengurusan dan penyampaian latihan secara profesional.

Seterusnya adalah menjadi harapan saya untuk melihat MACA terus memacu gerakan yang dinamik, menyusun strategi dan mencipta sinergi untuk menjulang kejayaan yang berterusan. Akhirnya merealisasikan MACA sebagai sebuah peneraju pusat kecemerlangan pencegahan rasuah disegani dirantau Asia Pasifik dan Antarabangsa.

**'Setitik Peluh Dari Usaha Yang Ikhlas Diharap Menjadi Segunung Emas'**

Dato Haji Zakaria Bin Haji Jaffar  
Timbalan Ketua Pesuruhjaya ( Pengurus Dan Profesionalisme)  
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

## **KATA ALU-ALUAN PENGARAH MACA**

Assalamualaikum wbt



Bersyukur ke hadrat Allah swt kerana atas perkenanNya serta kesungguhan dan kerjasama seluruh warga Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) maka terhasil Laporan Tahunan MACA 2012 untuk pertama kalinya semenjak penubuhan MACA pada tahun 2005. Jutaan terima kasih dan tahniah kepada Pusat Perancangan, Penyelidikan dan Korporat MACA yang telah mengetuai pasukan kerja bagi penghasilan kejayaan ini.

Laporan Tahunan MACA 2012 mengandungi maklumat mengenai program latihan dan aktiviti pembelajaran yang dijalankan di MACA bagi tahun 2012. Laporan ini disediakan sebagai satu wadah catatan aktiviti yang boleh dijadikan bahan rujukan untuk menilai pencapaian aktiviti yang dilaksanakan dan membuat penambahbaikan kepada program yang akan datang. Laporan Tahunan ini juga merupakan satu kaedah atau mekanisme yang berkesan bagi mempromosikan MACA sebagai sebuah pusat kecemerlangan pencegahan rasuah.

Sekian, terima kasih.

**Dato' Abdul Wahab bin Abdul Aziz  
Pengarah  
Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia**



PUSAT PENGAJIAN ANTARABANGSA  
PUSAT LATIHAN ASAS  
PUSAT PEMBANGUNAN INTEGRITI KORPORAT  
PUSAT PERANCANGAN  
     PENYELIDIKAN DAN KORPORAT  
PUSAT KECEMERLANGAN KEPIMPINAN  
     SEKOLAH RENYIASATAN  
     SEKOLAH PERISIKAN  
     SEKOLAH PERUNDANGAN  
         DAN PENDAKWAAN  
     SEKOLAH PENCEGAHAN  
         - RASUAH DAN PENGURUSAN  
BAHAGIAN PENGURUSAN  
MACA WILAYAH TIMUR

**MAKLUMAT KORPORAT MACA**

## MAKLUMAT KORPORAT MACA



## SEJARAH MACA

Penubuhan Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) telah diumumkan oleh Y.A.B Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi semasa menghadiri '4th Steering Committee Meeting ADB-OECD Anti-Corruption Initiative for Asia and Pacific' di Kuala Lumpur. Secara umumnya MACA diharap akan menjadi pusat serantau bagi usaha-usaha meningkatkan kapasiti dan kapabiliti dalam pemberantasan rasuah.

Pelbagai institusi dan pertubuhan antarabangsa telah menyatakan hasrat untuk bekerjasama dengan Malaysia dalam menyediakan tenaga pengajar, pakar untuk merangka dan mengendalikan kursus, latihan, seminar, dan bengkel setiap tahun terutamanya di rantau Asia-Pasifik dalam pemberantasan jenayah rasuah. Ini boleh dilaksanakan melalui hubungan dua hala dan pelbagai hala ( bilateral and multilateral ) dengan agensi-agensi penguatkuasa pencegahan rasuah serantau seperti ICAC Hong Kong, FBI, BMR Brunei Darussalam, KICAC( Republic of Korea ), Indonesia, CPIB Singapura, Thailand dan lain-lain lagi. Dengan adanya pelbagai program yang dirancang adalah diharapkan MACA akan muncul sebagai pusat pembelajaran dan latihan terpenting di rantau Asia.

Penubuhan MACA ini juga adalah sebagai tanggungjawab untuk meningkatkan kemahiran dan profesionalisme pegawai-pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, melalui penyediaan kursus-kursus dalam perkhidmatan untuk modul penyiasatan, pendakwaan, perisikan, pendidikan masyarakat, pemeriksaan dan perundingan, tatacara kerja, pengurusan dan kewangan, keselamatan, kepimpinan, latihan kejurulatihan ( training of trainers ), teknologi maklumat serta pengajian bahasa terutamanya Bahasa Inggeris.

**• VISI**

- Menjadi sebuah pusat kecemerlangan pencegahan rasuah bertaraf serantau dan antarabangsa

**• MISI**

- Menerajui pembangunan modal insan SPRM secara dinamik, progresif dan berterusan;
- Meningkatkan kapasiti dan kapabiliti sektor awam dan swasta dalam usaha pencegahan rasuah melalui perkongsian bestari;
- Menjalin rangkaian perkongsian strategik di peringkat antarabangsa melalui program latihan pencegahan rasuah.

**OBJEKTIF**

- Memantapkan kebebasan, ketelusan dan profesionalisme pegawai SPRM di dalam melaksanakan tugas;
- Mengukuhkan Integriti dan Akauntabiliti pegawai SPRM melalui program latihan yang berkesan dan berterusan;
- Melatih modal insan sektor awam bagi meningkatkan kapasiti dan kapabiliti dalam usaha pencegahan rasuah;
- Meningkatkan program latihan pencegahan rasuah melalui perkongsian bestari bersama sektor swasta;
- Memperluaskan usahasama (collaboration) dan kerjasama (cooperation) dengan agensi penguatkuasaan, institusi latihan dan badan-badan antarabangsa;
- Menganjurkan program pembangunan kapasiti dan kapabiliti bagi masyarakat global.

## PIAGAM PELANGGAN

Kami berjanji merancang dan melaksanakan program latihan yang berkualiti dan menepati keperluan pelanggan dengan:

- Menyampaikan maklumat program latihan kepada pelanggan sekurang-kurangnya dua (2) minggu untuk program domestik dan tiga (3) bulan bagi program antarabangsa sebelum kursus bermula;
- Melaksanakan sekurang-kurangnya 90% daripada program latihan yang dirancang setiap tahun;
- Menjalankan sekurang-kurangnya dua (2) kajian setahun;
- Menghasilkan sekurang-kurangnya dua (2) penerbitan setahun ;
- Menjalankan sekurang-kurangnya dua (2) konsultasi berbentuk latihan setahun;
- Menyediakan laporan penilaian program latihan selewat-lewatnya dua (2) minggu selepas tamat program;
- Memastikan penyampaian penceramah program latihan mendapat penilaian tidak kurang daripada lapan puluh lima (85) peratus.

## KUMPULAN SASARAN

Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia mensasarkan latihan dan program pencegahan rasuah kepada para peserta dari dalam dan luar negara. Penglibatan 4 kumpulan sasaran ini mencerminkan peranan MACA sebagai institusi latihan khusus dalam pencegahan rasuah. 4 kumpulan sasaran MACA tersebut

### Pegawai-pegawai SPRM

MACA adalah entiti di bawah SPRM yang bertanggungjawab untuk menyediakan latihan yang mencukupi kepada semua Pegawai dan kakitangan SPRM dalam meningkatkan keupayaan diri dalam melaksanakan tugas dengan cekap dan professional. Bidang-bidang latihan yang ditawarkan merangkumi " core business" SPRM secara komprehensif serta bidang-bidang lain seperti pengurusan, keselamatan dan seumpamanya;

### Jabatan / Agensi Kerajaan dan Agensi Penguatkuasaan Tempatan

Selaras dengan agensi kerajaan untuk mewujudkan " Perkhidmatan Awam Bertaraf Dunia". MACA menawarkan program latihan untuk agensi kerajaan khusus dalam bidang pencegahan rasuah. Program-program yang disediakan adalah berkualiti dan berupaya melengkapkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran;


### Sektor Swasta

MACA menyediakan platform kepada sector swasta seperti Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan badan-badan korporat dalam meningkatkan kefahaman dan kemahiran dalam bidang pencegahan rasuah, integriti dan tadbir urus terbaik;


### Peserta Dari Organisasi Antarabangsa dan Agensi Penguatkuasaan Antarabangsa

MACA mengorak langkah menuju ke arena global dalam bidang latihan pencegahan rasuah di mana MACA menawarkan program-program latihan yang berkualiti khusus untuk peserta luar negara dari pelbagai organisasi dan agensi penguatkuasaan. Semua program latihan yang ditawarkan menepati kehandak semasa selaras dengan undang-undang dan amalan terbaik. Program latihan juga boleh direkabentuk mengikut keperluan di peringkat antarabangsa.

## CARTA ORGANISASI



# PUSAT PENGAJIAN ANTARABANGSA



PUSAT PENGAJIAN ANTARABANGSA

PUSAT LATIHAN ASAS

PUSAT PEMBANGUNAN INTEGRITI KORPORAT

PUSAT PERANCANGAN  
PENYELIDIKAN DAN KORPORAT

PUSAT KECEMERLANGAN KEPIMPINAN

SEKOLAH PENYIASATAN

SEKOLAH PERISIKAN

SEKOLAH PERUNDANGAN  
DAN PENDAKWAAN

SEKOLAH PENCEGAHAN  
RASUAH DAN PENGURUSAN

BAHAGIAN PENGURUSAN

MACA WILAYAH TIMUR



Pusat Pengajian Antarabangsa (PPA) bertanggungjawab melaksanakan program latihan pencegahan rasuah dengan penyertaan peserta dari luar negara. Selain itu juga PPA turut mengendalikan seminar dan bengkel dalam usaha pembanterasan rasuah serantau dengan kerjasama organisasi antarabangsa.



## MACA MEMPERKASAKAN KERJASAMA GLOBAL

Sejak penubuhannya pada tahun 2006, MACA telah berusaha gigih dalam misinya untuk memberikan latihan berkaitan penguatkuasaan anti-rasuah yang signifikan dan efektif di peringkat nasional dan global. Kejayaan MACA menganjurkan pelbagai program latihan melalui kerjasama strategik dengan agensi-agensi antarabangsa telah menjadikan MACA semakin diiktiraf sebagai peneraju pusat latihan anti-rasuah yang mapan.

### BANTUAN TEKNIKAL BAGI MENINGKATKAN KAPASITI ANTI-RASUAH DI NEGARA-NEGARA MEMBANGUN

Demi mencapai objektif yang sama yakni membanteras jenayah rasuah, Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) dan Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD) telah berganding dalam menganjurkan 2 seminar teknikal di Malaysia.

#### Joint MACA/OECD Technical Seminar:

#### *Promoting the Enforcement of Malaysia's Offence against Bribery Foreign Public Officials*

Dengan matlamat untuk meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan bagi kesalahan berkaitan rasuah pegawai asing di Malaysia, Joint MACA/OECD Technical Seminar: Promoting the Enforcement of Malaysia's Offence Againsts Bribery Foreign Public Officials telah diadakan pada 26 – 27 Jun 2012 dengan dihadiri 26 orang pegawai-pegawai kanan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan Polis DiRaja Malaysia.

Melalui bengkel interaktif dan juga kajian kes, para peserta berpeluang untuk berinteraksi dan berkongsi pengalaman dengan pakar-pakar daripada agensi-agensi penguatkuasaan undang-undang antarabangsa seperti Federal Bureau of Investigation (FBI), Supreme Prosecutor's Office of Korea dan United Nations Office on Drugs and Crime (UNODC).





**Joint MACA/OECD Regional Seminar (ASEAN Member States + China and India):**

***Ensuring an Effective Legislative Framework for Combating the Bribery of Foreign Public Officials in International Business Transactions***

Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) turut menerima kepercayaan Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD) untuk seterusnya menganjurkan Joint MACA/OECD Regional Seminar (ASEAN Member States + China and India): Ensuring an Effective Legislative Framework for Combating the Bribery

Seminar khusus yang telah disertai seramai 26 orang pegawai penguatkuasaan daripada negara-negara anggota ASEAN, China dan India ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti bentuk inisiatif yang boleh dilakukan agar sistem perundangan anti-rasuah di negara-negara terbabit adalah bertepatan serta mematuhi piawaian antarabangsa.



## Training of Management and Prosecution of Anti-Corruption for EUPOL Afghanistan

European Union Police (EUPOL) Mission in Afghanistan adalah sebuah misi sokongan antarabangsa oleh Majlis Kesatuan Eropah dalam membangunkan sistem keadilan dan keamanan yang efektif dan mapan di Afghanistan pasca krisis kemanusiaan dan perperangan.

Dalam menjayakan usaha tersebut, EUPOL Afghanistan telah memberikan keyakinannya kepada MACA untuk memberikan latihan berkaitan pengurusan dan pendakwaan anti-rasuah kepada pegawai-pegawai awam Afghanistan mulai 13 hingga 22 Februari 2013 (10 hari).

Latihan intensif berdasarkan modul khas ini telah berjaya mengukuhkan kefahaman serta kemahiran kepada 18 orang pegawai-pegawai awam Afghanistan yang telah hadir terutamanya dalam aspek teknikal dan pendakwaan kes-kes berkaitan rasuah.



## Expert Group Meeting on Strengthening Law Enforcement Capacities in Arab Countries against Corruption Crimes

Pengalaman dan kepakaran SPRM dalam penguatkuasaan undang-undang anti-rasuah telah mendapat perhatian daripada Arab States and Arab Anti Corruption and Integrity Network (ACINET) apabila dijemput untuk menghadiri 'Expert Group Meeting on Strengthening Law Enforcement Capacities in Arab Countries Against Corruption Crimes' yang telah diadakan pada 26 Mac 2012 di Doha, Qatar. SPRM telah diwakili oleh YBhg. Dato Hj. Zakaria Hj. Jaffar - Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pengurusan dan Profesionalisme) dan PPj Abdul Razak Hamzah - Ketua Pusat Pengajian Antarabangsa, MACA. Mesyuarat di bawah rangka kerja UNDP Regional Bureau for Arab States and Arab Anti Corruption and Integrity Network(ACINET)dengan kerjasama Kolej Undang-Undang, Universiti Qatar ini juga telah dihadiri oleh 18 orang wakil negara-negara Arab seperti Maghribi, Mesir, Jordan, Tunisia, Qatar, Lebanon dan Palestin dan wakil daripada UNDP, IACA, UNODC dan Bank Dunia.



## SIRI CERAMAH PENDEK

### One-Day Seminar oleh Prof. Robert Klitgaard

Komitded dalam misinya untuk memberikan latihan yang efektif dalam aspek anti-rasuah, MACA telah menjemput Prof. Robert Klitgaard untuk seminar khas selama 1 hari pada 18 Jun 2012 untuk para profesional tempatan. Prof. Klitgaard sangat dikenali sebagai pakar reformasi kerajaan dan strategi ekonomi dunia selain telah memberi khidmat perundingan serta penyelidikan kepada lebih 30 buah negara di Afrika, Asia dan Amerika Latin.

Jemputan SPRM ke mesyuarat ini adalah untuk membantu dan menyokong aktiviti-aktiviti ACINET dalam memerangi rasuah dengan harapan untuk mendapatkan perhatian yang baik daripada peserta-peserta lain dalam mesyuarat itu. Antara isu penting yang dibincangkan adalah pendekatan terbaik untuk ACINET untuk menggubal undang-undang dan melaksanakan pelan memerangi rasuah di rantau Arab. Pelan ini akan merangkumi kesedaran kepada entiti khas anti-rasuah, undang-undang khas anti-rasuah, strategi dan mekanisme dalam penguatkuasaan undang-undang anti-rasuah, kerjasama dengan entiti anti-rasuah di luar negara, latihan dan komitmen daripada pemimpin-pemimpin dan pihak politik bagi menyokong usaha-usaha memerangi rasuah di rantau Arab. Selain itu, SPRM juga telah membentangkan mengenai strategi memerangi rasuah di Malaysia yang mematuhi UNCAC termasuk ketelusan, kebebasan dan profesionalisme SPRM dalam mengendalikan tugas-tugas setiap hari di bawah pengawasan daripada lima panel dan jawatankuasa.



Dengan kredibiliti beliau sebagai 'The World's Leading Expert on Corruption', ternyata Prof. Klitgaard telah berjaya menarik perhatian serta penyertaan aktif 80 peserta yang hadir dengan 2 ceramahnya yang bertajuk: (i) Learning from Two Recent Success Stories in Fighting Corruption dan (ii) Innovations Around The World in the Fight of Corruption.

## Pembudayaan Etika Kerja Murni Melalui MACA Executive Talk



MACA telah berjaya menganjurkan tiga (3) siri Executive Talk khusus untuk pegawai-pegawai tinggi kerajaan dan sektor swasta sebagai satu usaha transformasi minda dan meningkatkan lagi rangkaian profesionalisme di kalangan mereka pada 2012. Program ini juga selaras dengan peranan MACA dalam membudayakan etika kerjaya dan personaliti diri yang murni.



MACA Executive Talk (MET) diadakan buat kali pertamanya sempena Majlis Pelancaran Portal MACA pada 27 Mac 2012. MET Siri 1/2012 ini telah menampilkan Dr. Chris John Saville iaitu salah seorang ahli Lembaga Penasihat Antarabangsa MACA dengan syarahan bertajuk "Development of an Article Infrastructure - Code of Ethics".

MACA telah menjemput penceramah bebas, Encik R. Shankar Santhiram daripada EQ Training and Development bagi menyampaikan ceramah "Emotional Intelligence" untuk MET Siri 2/2012 yang telah diadakan pada 14 Mei 2012.

MET Siri 3/2012 dengan ceramah bertajuk "Successful Ethics/Compliance/Integrity Officers-Shell Experience" yang disampaikan oleh Ms. Linda Symanski, Chief Ethics and Compliance Officer of Royal Dutch Shell pula telah diadakan pada 28 Jun 2012.



## PUSAT LATIHAN ASAS



*Pusat Latihan Asas bertanggungjawab melaksanakan program latihan untuk pembangunan kerjaya dengan tumpuan utamanya menjalankan kursus asas kepada pegawai lantikan baru SPRM.*



## PUSAT LATIHAN ASAS



Pusat Latihan Asas (PLA) bertanggungjawab menyelaras dan melaksanakan program latihan untuk pembangunan kerjaya pegawai dan kakitangan sokongan dengan tumpuan utamanya menjalankan kursus asas kepada pegawai-pegawai lantikan baru SPRM.

PLA adalah nadi utama kepada SPRM untuk melatih pegawai-pegawai baru dalam SPRM. Fungsi PLA mula terserlah dalam melatih pegawai baru menerusi Kursus Asas telah bermula sejak penubuhan MACA pada tahun 2006. PLA berperanan besar melatih pegawai baru SPRM dengan mendedahkan asas-asas ilmu penyiasatan, perisikan dan perundungan dalam usaha melahirkan pegawai penyiasat yang berkualiti serta memiliki nilai-nilai murni yang terpuji. Tanggungjawab PLA amat besar, kerana kerjaya dan kemahiran seorang pegawai SPRM dalam bidang pencegahan rasuah buat pertama kalinya bermula di sini.

## PERBARISAN TAMAT LATIHAN ASAS MENCINTA SEJARAH MACA



Panorama indah tercipta apabila satu sejarah telah tertulis buat julung-julung kalinya dimana Dataran Kawad MACA telah menjadi saksi kepada kejayaan PLA mengadakan acara perbarisan sempena Majlis Tamat Latihan bagi Pelatih Kursus Asas Pembantu Keselamatan Gred KP 17 (Kader) dalam suasana yang sungguh meriah penuh gemilang dan bersejarah. Perbarisan ini telah disempurnakan oleh Yang Berbahagia Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Haji Abu Kassim Bin Mohamed.

Ini juga merupakan era baru kepada SPRM apabila buat pertama kalinya SPRM telah menerima seramai 68 orang pegawai lantikan baru berjawatan Pembantu Keselamatan Gred KP 17 yang dipinjam telah dikaderkan daripada Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO).

Pelatih ini akan membantu tugas-tugas pegawai penyiasat SPRM dari aspek keselamatan fizikal serta operasi antaranya berkaitan tugas-tugas pengiringan suspek, pengurusan lokap, cap jari dan pendaftaran orang ditahan dan penyempurnaan sapina. Kursus asas ini juga sebagai wadah untuk meningkatkan integriti dan profesionalisme di dalam menjalankan tugas membantu SPRM membanteras jenayah rasuah.

MACA juga telah bertindak proaktif menyahut seruan kerajaan seperti yang digariskan di dalam Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) iaitu menjalankan kerjasama melalui Strategi Lautan Biru Kebangsaan (Blue Ocean Strategy) di mana melibatkan kerjasama latihan bersepada melibatkan pihak MACA, CGSO dan PULAPOL. Pelatih telah menjalani Modul Asas Keselamatan Perlindungan oleh CGSO, Modul Latihan Asas Polis

Bantuan oleh PULAPOL dan Modul Latihan Asas SPRM oleh MACA bermula 29 Oktober 2012 hingga 8 Februari 2013. Konsep latihan sebegini telah menjimatkan kos melalui penggunaan tenaga kerja, prasarana dan perkongsian kemudahan yang sedia ada secara bersama serta mempelbagaikan cabang ilmu pengetahuan.

### **KEPIMPINAN BERKUALITI MEMACU PENGURUSAN EFISYEN**



Selepas menempa pelbagai kejayaan sehingga berjaya memahat nama SPRM di peringkat negara dan antarabangsa, ternyata pengorbanan warga SPRM selama ini telah dibalas dengan peluang kenaikan pangkat lebih tinggi seperti kenaikan pangkat Gred P52 (Penolong Kanan Pesuruhjaya), P 48 (Penolong Pesuruhjaya), P44 (Penguasa Kanan) dan P42 (Penguasa). Bagi memastikan peralihan gred jawatan pegawai kanan SPRM seiring dengan tugas dan tanggungjawab yang baru serta meningkatkan kapasiti dan kapabiliti sebagai seorang pegawai kanan SPRM, maka beberapa program latihan



telah dirancang dan dilaksanakan oleh MACA yang dikendalikan oleh PLA antara nya ialah Leadership Skills Development Workshop merupakan sebuah program yang direka khas untuk pegawai kanan SPRM di Gred P52 dan P48 yang telah dikenalpasti sebagai peneraju utama SPRM pada masa hadapan. Pelbagai gaya kepimpinan dan isu-isu kepimpinan dikupas dalam bengkel ini untuk memberi pendedahan kepada para peserta berkaitan cabaran dan tanggungjawab yang bakal dipikul oleh pemimpin. Kursus 2 hari ini, dijalankan sepenuhnya di Dewan Tun Ismail MACA telah dirasmikan oleh Yang Berbahagia Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Haji Abu Kassim Bin Mohamed. Command Course adalah program direka khas bagi pegawai SPRM yang dinaikkan ke gred jawatan P 44 dan P42. Seramai 74 pegawai kanan SPRM Gred P41 telah dinaikkan ke gred P 44 dan seramai 70 pegawai SPRM dari Gred P32 dan Gred P38 telah dinaikkan pangkat ke Gred P42. Kursus ini merupakan medium peralihan dalam membentuk disiplin, pematuhan arahan serta membina keupayaan dan keyakinan kepimpinan kepada

Bantuan oleh PULAPOL dan Modul Latihan Asas SPRM oleh MACA bermula 29 Oktober 2012 hingga 8 Februari 2013. Konsep latihan sebegini telah menjimatkan kos melalui penggunaan tenaga kerja, prasarana dan perkongsian kemudahan yang sedia ada secara bersama serta mempelbagaikan cabang ilmu pengetahuan.

### **KEPIMPINAN BERKUALITI MEMACU PENGURUSAN EFISYEN**



Selepas menempa pelbagai kejayaan sehingga berjaya memahat nama SPRM di peringkat negara dan antarabangsa, ternyata pengorbanan warga SPRM selama ini telah dibalas dengan peluang kenaikan pangkat lebih tinggi seperti kenaikan pangkat Gred P52 (Penolong Kanan Pesuruhjaya), P 48 (Penolong Pesuruhjaya), P44 (Penguasa Kanan) dan P42 (Penguasa). Bagi memastikan peralihan gred jawatan pegawai kanan SPRM seiring dengan tugas dan tanggungjawab yang baru serta meningkatkan kapasiti dan kapabiliti sebagai seorang pegawai kanan SPRM, maka beberapa program latihan



telah dirancang dan dilaksanakan oleh MACA yang dikendalikan oleh PLA antara nya ialah Leadership Skills Development Workshop merupakan sebuah program yang direka khas untuk pegawai kanan SPRM di Gred P52 dan P48 yang telah dikenalpasti sebagai peneraju utama SPRM pada masa hadapan. Pelbagai gaya kepimpinan dan isu-isu kepimpinan dikupas dalam bengkel ini untuk memberi pendedahan kepada para peserta berkaitan cabaran dan tanggungjawab yang bakal dipikul oleh pemimpin. Kursus 2 hari ini, dijalankan sepenuhnya di Dewan Tun Ismail MACA telah dirasmikan oleh Yang Berbahagia Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Haji Abu Kassim Bin Mohamed. Command Course adalah program direka khas bagi pegawai SPRM yang dinaikkan ke gred jawatan P 44 dan P42. Seramai 74 pegawai kanan SPRM Gred P41 telah dinaikkan ke gred P 44 dan seramai 70 pegawai SPRM dari Gred P32 dan Gred P38 telah dinaikkan pangkat ke Gred P42. Kursus ini merupakan medium peralihan dalam membentuk disiplin, pematuhan arahan serta membina keupayaan dan keyakinan kepimpinan kepada

telah diadakan mengikut zon iaitu Zon Selatan, Zon Tengah dan Zon Timur yang melibatkan seramai 111 orang pegawai dan kakitangan gunasama. Mereka telah dibekalkan dengan ilmu pengetahuan tentang sejarah penubuhan agensi pencegahan rasuah di negara ini, visi, misi, objektif dan fungsi SPRM, memupuk semangat kerja berpasukan, rasa sayangkan jabatan, memahami jenayah rasuah dan Akta SPRM 2009 serta kesalahan-kesalahan ditetapkan dan transformasi SPRM. Ianya juga bertujuan memupuk semangat bencikan rasuah supaya dapat bersama-sama berganding bahu dengan pegawai SPRM dalam membanteras jenayah rasuah tersebut.

### TEAMBUILDING BERINSPIRASIKAH SPRM



Memang diakui pelbagai cabaran luaran dan aktiviti dalaman perlu ditempuhi oleh pegawai-pegawai SPRM yang bertugas sebagai Pegawai Latihan PLA MACA. Pada tahun 2012 telah menyaksikan bermulanya satu cabaran baru untuk Pegawai Latihan PLA yang ditugaskan mengendalikan Kursus Asas Pegawai SPRM yang mana pihak MACA telah meletakkan satu halatuju supaya semua Pegawai Latihan PLA perlu dibekalkan ilmu pengetahuan dan kemahiran latihan luar

selaras dengan fungsi MACA sebagai Peneraju Pusat Kecemerlangan Pencegahan Rasuah. Hasrat ini telah diterjemahkan oleh PLA dengan menganjurkan Latihan Untuk Jurulatih (Training Of Trainee) di dalam Kursus Kejurulatihan Kepimpinan Latihan Luar SPRM yang telah dihadiri oleh pegawai latihan MACA. Kursus ini mendedahkan ilmu kejurulatihan dalam Modul Teambuilding. Berkat kesungguhan dan keyakinan yang tinggi maka pegawai latihan MACA telah berjaya melaksanakan Modul Teambuilding selama seminggu kepada pelatih Kursus Asas Pembantu Keselamatan Gred KP 17 (Kader). Kewujudan Pegawai Latihan Luar sendiri meletakkan MACA tidak lagi bergantung kepada konsultan luar di samping juga telah banyak menjimatkan kos latihan MACA.

## STRATEGI TEPAT PEMANGKIN KEYAKINAN PASUKAN

Kejadian bingit telah memecah kedamaian di MACA apabila kejadian tembak-menembak berlaku di dalam latihan Kursus Pengadilan MY-NPL iaitu latihan kejurulatihan serta pengadilan paintball dan teknik penggunaan Marker Paintball dihadiri oleh pegawai latihan MACA. Kursus Kejurulatihan ini telah dianjurkan oleh PLA dengan dikendalikan oleh Malaysian Paintball Referee Organization. Kursus ini telah melayakkan pegawai latihan MACA untuk mengendali dan mengadili perlawanan paintball dan mempelajari teknikal peralatan paintball. Pihak MACA juga telah menyediakan lapangan paintball yang dikenali sebagai MACA Paintball Park di dalam MACA. Pengadil Paintball MACA telah mengadili beberapa siri perlawanan paintball di MACA dengan jayanya yang melibatkan perlawanan dalaman dan peserta kursus MACA. Perlawanan Paintball bukan sekadar permainan semata-mata namun lebih kepada prospek membina keyakinan diri dan semangat berpasukan dalam membuat apa-apa keputusan yang amat segera seperti dalam peperangan sebenar justeru peserta akan menyedari bahawa semangat berpasukan diikuti strategi kukuh akan menghasilkan impak kerja berpasukan yang tinggi jika diaplikasikan dalam tugas sebenar SPRM.

## PUSAT PEMBANGUNAN INTEGRITI KORPORAT



PUSAT PENGAJIAN ANTARABANGSA  
PUSAT LATIHAN ASAS  
PUSAT PEMBANGUNAN INTEGRITI KORPORAT  
PUSAT PERANCANGAN  
PENYELIDIKAN DAN KORPORAT  
PUSAT KECEMERLNGAN KEPIMPINAN  
SEKOLAH RENYASATAN  
SEKOLAH PERISIKAN  
SEKOLAH PERUNDUNGAN  
DAN PENDAKWAAN  
SEKOLAH PENCEGAHAN  
RASUAH DAN PENGURUSAN  
BAHAGIAN PENGURUSAN  
MACA WILAYAH TIMUR



*Pusat Pembangunan Integriti Korporat berperanan menasihati dan membantu SPRM dalam perancangan, pembentukan, pengendalian dan pelaksanaan program latihan CelO sejajar dengan Pelan Integriti Nasional (PIN). Selain daripada membangunkan modul CelO dengan kerjasama agensi kerajaan dan Government-Linked Companies (GLCs).*



## PUSAT PEMBANGUNAN INTEGRITI KORPORAT

Dalam era globalisasi, usaha membanteras rasuah, salahguna kuasa dan penyelewengan menjadi semakin kompleks. Berkaitan hal ini, boleh dikatakan Negara semakin tercabar akibat wujudnya segelintir pihak yang menggunakan kedudukan dan organisasi untuk faedah sendiri. Kemajuan teknologi, kepesatan pembangunan, nilai kemanusiaan yang terhakis dikatakan antara cabaran yang menyukarkan lagi inisiatif pencegahan jenayah rasuah. Justeru, antara langkah perlu menghadapi cabaran itu ialah melalui pemerkasaan integriti pelbagai sektor, khususnya sektor awam dan swasta. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menjadi tonggak penting dalam membantu memperkasa integriti yang dizahirkan melalui peranan latihan yang dimainkan Pusat Pembangunan Integriti Korporat atau Corporate Integrity Development Centre (CIDC), Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia.

Menyedari kepentingan pembangunan integriti dalam setiap sektor, maka Pusat Pembangunan Integriti Korporat (CIDC) telah ditubuhkan pada 11 Februari 2008. Pusat Pembangunan Integriti Korporat (CIDC) berperanan menasihati dan membantu SPRM dalam perancangan, pembentukan, pengendalian dan pelaksanaan program berkaitan integriti iaitu, Program Pegawai Integriti Bertauliah. Tanggungjawab tersebut sejajar dengan keperluan mewujudkan Pegawai Etika sebagaimana termaktub dalam Pelan Integriti Nasional (PIN). Selain bertanggungjawab membangunkan modul kursus berkaitan integriti, CIDC turut memainkan peranan dalam menjalin kerjasama dengan agensi Kerajaan dan swasta. Program Pegawai Integriti Bertauliah yang dihadiri peserta dari sektor awam dan sektor swasta menjadi wadah penting dalam menghubungkan kedua-dua sektor berkenaan dengan SPRM. Selain itu, CIDC turut menyumbang idea, membantu dan menasihati mana-mana organisasi dalam merekabentuk pelan strategi berkaitan integriti. Program yang dijalankan oleh Pusat Pembangunan Integriti Korporat (CIDC) meliputi Program Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO), Program Latihan Ikrar Integriti Korporat, Seminar Pencegahan Rasuah dan Kursus Pemantapan Integriti.



## PROGRAM PEGAWAI INTEGRITI BERTAULIAH (CeIO) SEBAGAI PEMANGKIN DALAM USAHA PEMANTAPAN INTEGRITI DAN PENCEGAHAN RASUAH

Dalam konteks seorang penjawat awam yang memegang suatu amanah, integriti bermaksud melaksanakan amanah dengan penuh kesungguhan, mengutamakan kepentingan awam lebih dari kepentingan peribadi dan keluarga. Bagi organisasi pula, integriti tercermin melalui perumusan dan pelaksanaan kod etika, piagam pelanggan atau sistem dan proses kerja serta pematuhan kepada amalan terbaik. Kod etika organisasi ditegaskan, diulangi dan dihayati oleh anggota organisasi berkenaan sehingga menjadi kebiasaan dan akhirnya menjadi budaya.

Persoalan untuk mewujudkan budaya integriti dalam organisasi bermain diminda masyarakat. Tanggungjawab membudayakan integriti sebenarnya dilaksanakan siapa merumitkan lagi untuk dijawab. Peranan dan tanggungjawab meningkatkan integriti dengan harapan menghapus rasuah dan jenayah lain sewajarnya ditangani oleh sesebuah organisasi berkenaan. Bagi merealisasikan harapan itu, individu yang memiliki pengetahuan dan kemahiran wajar diketengahkan. Pendekatan yang boleh digunakan ialah melalui aspek latihan bagi mempersiapkan seseorang menjadi pegawai integriti. Maka, suatu program khusus wajar dirangka bagi memastikan hasrat itu dapat dicapai.

CeIO merupakan program utama yang dijalankan oleh Pusat Pembangunan Integriti Korporat (CIDC). Program CeIO bertujuan untuk melahirkan Pegawai Integriti Bertaualiah di dalam sesebuah organisasi awam dan swasta. Peranan utama CeIO ialah untuk mengurus semua aspek yang berkaitan dengan integriti meliputi, (i) perancangan, pelaksanaan dan pemantauan aktiviti berhubung peningkatan integriti dalam organisasi; (ii) menasihati pihak pengurusan dalam aspek integriti; (iii) membantu urusetia Jawatankuasa Tadbir Urus (JKTU) sektor awam; dan (iv) menjadi pegawai perhubungan organisasi dengan CIDC. Program CeIO ini juga diwujudkan bagi melaksanakan Arahan YAB Perdana Menteri Malaysia No. 1 Tahun 2009 Siri 1 No. 1 Tahun 2011 Gerakan Pemantapan Keutuhan Sistem Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia: Pelaksanaan Program Pegawai Integriti Bertaualiah. Di samping itu, pelaksanaannya berupaya memenuhi keperluan Pelan Integriti Nasional (PIN) untuk mewujudkan Pegawai Etika dalam organisasi sektor korporat bertujuan mempertingkatkan etika dan integriti.



Keberkesanan peranan yang dimainkan pegawai kanan BPR dalam membudayakan integriti dan meningkatkan kawalan dalam organisasi mendapat perhatian dan reaksi pelbagai pihak. Keupayaan pegawai BPR diiktiraf dalam menjayakan peranan membanteras rasuah, penyelewengan dan salahguna kuasa di samping meningkatkan integriti ses sebuah organisasi. Keputusan Mesyuarat Khas Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan (JKP) yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara (KSN) pada 18 Ogos 2008 menjadi titik permulaan yang mencetus kepada pewujudan Pegawai Integriti. Mesyuarat tersebut telah memutuskan supaya Badan Pencegah Rasuah (BPR) menempatkan seorang pegawai kanan sebagai Ketua Pegawai Integriti (Chief Integrity Officer) secara kader di Kementerian, Jabatan serta Agensi tertentu yang dilihat berisiko tinggi terlibat dengan rasuah.

Keputusan Mesyuarat Khas Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan (JKP) yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara (KSN) pada 18 Ogos 2008 dilihat sebagai suatu cabaran yang besar kepada BPR ketika itu. Ini kerana BPR menghadapi kekangan dari aspek keanggotaan. Oleh yang demikian, mekanisme penyelesaian yang bersesuaian perlu dilaksanakan. Selaras dengan itu, Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan (JKKMKPK) Siri 61 Bil: 2/2008 pada 22 September 2008 dan Siri 62 Bil: 3/2008 pada 3 November 2008 yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri,

telah memutuskan Badan Pencegah Rasuah (BPR) membantu mana-mana agensi mewujudkan Ketua Pegawai Integriti dari dalam agensi itu sendiri. Ini bermakna peranan MACA diperlukan sebagai tempat untuk melatih dan melahirkan Pegawai Integriti. Pusat Pembangunan Integriti Korporat (CIDC), MACA diarahkan oleh Pengurusan Tertinggi SPRM untuk merangka program khas bagi melahirkan Pegawai Integriti Bertauliah.

Usaha melahirkan Pegawai Integriti Bertauliah dirancang dengan penuh teliti oleh SPRM. Kertas dasar mengenai kaedah pelaksanaan program telah dikemukakan kepada **Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan (JKKMKPK)** pada 30 Mac 2010. Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan (JKKMKPK) yang bersidang telah meluluskan kertas Cadangan Program Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO).



Pada 28 Jun 2010, pihak Pengurusan Tertinggi SPRM telah meluluskan Modul Latihan Pegawai Integriti Bertauliah dan dilaksanakan sebagai Program Latihan Perintis secara separa masa selama 6 bulan, mulai pada 2 Ogos 2010 hingga 21 Disember 2010. Seramai 27 orang peserta dari jabatan dan agensi Kerajaan serta Swasta telah mengikuti CelO.

Program CelO dijalankan secara separuh masa di mana pengambilan dilakukan dua kali setahun iaitu, pada Januari dan Jun. Jangkamasa program adalah selama 22 hari dan merangkumi 4 modul. Setiap modul mengambil masa 5 hari bekerja dan dilaksanakan pada setiap bulan (Februari – Mei) / (Julai – Oktober). Bagi memastikan peserta dibekalkan dengan pengetahuan dan kemahiran, Program CelO dimantapkan dengan mewujudkan empat modul meliputi, (i) modul integriti; (ii) modul Penguatkuasaan Undang-Undang / Pekeliling / Peraturan / Arahan; (iii) modul Pematuhan dan Pemantauan; dan (iv) modul Pembentukan Pelan Integriti.

Modul pertama (modul integriti) merangkumi konsep integriti yang memberi penekanan terhadap isu-isu integriti dan rasuah, etika, tadbir urus baik dan tanggungjawab sosial korporat. Pendedahan meluas dijangka dapat membentuk sikap dan memperkuatkannya integriti dalam kalangan peserta. Selain itu, peserta juga akan dapat meningkatkan kemahiran dan menjana idea bagi merangka Pelan Integriti Organisasi.

Modul kedua berkaitan penguatkuasaan undang-undang memberi penekanan terhadap aspek penguatkuasaan meliputi undang-undang (anti-rasuah, fraud, pengubahan wang haram, jenayah siber), pekeliling, peraturan dan arahan semasa yang sedang dikuatkuasakan. Kombinasi ini

dijangka mampu mempersiapkan peserta dengan kemahiran siasatan dalam organisasi. Peserta mampu bertindak dan mengesan sebarang bentuk penyelewengan. Kepakaran yang dimiliki peserta kelak dapat meminimakan ruang dan peluang rasuah, fraud, penyelewengan dan salahguna kuasa dari berleluasa dalam sesebuah organisasi.



Modul ketiga mengenai pematuhan dan pemantauan memberi pendedahan terhadap tatacara pengauditan di sektor awam dan swasta. Aspek pematuhan dan pemantauan dari sudut pandang sektor awam dan swasta mampu memberi pengetahuan yang meluas kepada peserta. Selain itu, aspek perbicaraan domestik sektor awam dan swasta, hak asasi dan kawalan dalaman turut diliputi dalam modul ini. Di akhir modul, peserta dijangka dapat menambahkan pengetahuan dan kemahiran berhubung teknik pengauditan, penyiasatan dalaman dan pelaksanaan kawalan dalaman khususnya dalam hal kewangan organisasi.

Modul keempat merangkumi aspek pencegahan rasuah melalui kawalan sistem. Peserta akan didedahkan dengan kaedah terkini yang diperkenalkan oleh SPRM dalam usaha menutup ruang dan peluang rasuah, penyelewengan dan salahguna kuasa dalam sesebuah organisasi. Kaedah tersebut dikenali sebagai Corruption Risk Management (CRM). Di akhir modul, peserta dijangka dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka dalam aspek pencegahan rasuah. Peserta Program CelO dikehendaki menyiapkan Pelan Integriti Organisasi mereka dalam modul ini. Selain itu, peserta dibawa melawat ke agensi awam atau swasta terpilih bertujuan memberi pendedahan tentang perjalanan dan pengurusan integriti di organisasi berkenaan. Seminar yang berkisar mengenai topik inisiatif membanterasan rasuah dan pengukuhan integriti melibatkan pembentang kertas kerja tempatan dan antarabangsa turut diadakan di akhir modul sebagai nilai tambah dalam program ini.

Secara keseluruhannya, boleh dikatakan bahawa Program CelO merupakan hasil usaha SPRM yang bertujuan untuk membanteras rasuah, penyelewangan, salahguna kuasa dan kelemahan pentadbiran. Dalam masa yang sama, program ini mampu menjadi wadah penting dalam membudayakan integriti di sesebuah organisasi. Pengisian program yang menyeluruh mampu melengkapkan peserta untuk membawa perubahan dalam organisasi mereka. Usaha SPRM melalui pewujudan program ini akhirnya mendapat sokongan pemimpin di mana majlis gilang gemilang telah dirasmikan sendiri oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada 27 Februari 2012.

## KOMITMEN KEPIMPINAN: PENGIKTIRAFAN KERAJAAN MALAYSIA TERHADAP AKADEMI PENCEGAHAN RASUAH



Usaha pencegahan rasuah menjadi hambar dan tidak bernilai tanpa komitmen pemimpin. Kehadiran YAB Perdana Menteri Malaysia sendiri ke Majlis Perasmian Program Pegawai Integriti Bertauliah (CelO) menunjukkan komitmen padu Kerajaan terhadap usaha pencegahan rasuah oleh SPRM. Komitmen yang dizahirkan oleh YAB Perdana Menteri menyemarakkan suasana majlis sekaligus menjadi pembakar semangat buat warga SPRM.

Majlis perasmian telah diadakan sebagai pengiktirafan atas usaha yang dilakukan oleh SPRM dan MACA dalam membanteras rasuah serta meningkatkan integriti. Pelancaran program telah disempurnakan oleh YAB Dato' Sri Mohd Najib Bin Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) pada 27 Februari 2012.




Dalam majlis tersebut, seramai 24 orang peserta telah menerima sijil pengiktirafan yang disampaikan sendiri oleh YAB Perdana Menteri. Sijil dikeluarkan setelah Lembaga Pengiktirafan Pegawai Integriti Bertauliah (LPPIB) memutuskan peserta tersebut menepati syarat kelayakan ketat yang ditetapkan. Antaranya, kehadiran minima 80 peratus, lulus ujian ditetapkan dan berjaya melaksanakan Projek Tanggungjawab Sosial (CSR) dengan menggunakan sumber kewangan yang dicari oleh peserta sendiri.

Majlis perasmian Program CeIO telah mendapat perhatian dalam dan luar negara. Secara keseluruhannya, permintaan terhadap Program CeIO ini semakin meningkat. Peserta yang telah menamatkan latihan turut mendapat pengiktirafan dan kepercayaan organisasi mereka. Terdapat peserta yang telah berjaya kini menerajui Unit Integriti, Unit Pematuhan mahupun unit yang ada hubungkait dengan pelaksanaan dan pemantauan sistem penyampaian perkhidmatan atau tadbir urus.

## KEBERKESANAN PROGRAM PEGAWAI INTEGRITI BERTAULIAH (CeIO)

CeIO yang telah ditauliahkan mendapat perhatian pihak pengurusan tertinggi agensi masing-masing. CeIO berkenaan telah ditempatkan di Unit Integriti bagi memantau aktiviti dalam jabatan. Beberapa agensi yang tidak mempunyai Unit Integriti sebelum ini telah mengambil inisiatif menubuhkannya. Seramai 24 peserta dari jabatan dan agensi kerajaan serta swasta yang telah mengikuti Program CeIO dalam tahun 2010 telah ditauliahkan sebagai CeIO. Kumpulan ini amat bertuah apabila menerima Sijil Pegawai Integriti Bertauliah yang disampaikan oleh Perdana Menteri Malaysia pada 27 Februari 2012.

Pusat Pembangunan Integriti Korporat telah mengadakan satu survei ke atas kumpulan CeIO tersebut pada 28 Mei 2012. Survei bertujuan untuk, (i) mengenalpasti tugas peserta selepas menghadiri Program CeIO; dan (ii) mengenalpasti tanggungjawab yang diberikan oleh majikan setelah peserta diiktiraf sebagai Pegawai Integriti Bertauliah.



Seramai 22 orang daripada 24 orang CeIO telah menjawab soal selidik yang diedarkan. Hasil kajian mendapati, seramai 9 orang atau 41 peratus CeIO yang ditauliahkan telahpun dilantik sebagai Pegawai Integriti di organisasi masing-masing. Seramai 18 orang CeIO atau 82 peratus telahpun menjalankan tugas berkaitan dengan pengurusan dan pembangunan integriti. Manakala, hanya 4 orang CeIO atau 18 peratus sahaja yang tidak menjalankan tugas berkaitan integriti dalam organisasi mereka. Kajian juga mendapati bahawa CeIO telah berupaya mewujudkan Pelan Integriti Jabatan dan Kod Etika Jabatan yang sebelum ini tidak pernah dipraktikkan di agensi masing-masing. Rumusannya, boleh dikatakan bahawa Program Pegawai Integriti yang dianjurkan Pusat Pembangunan Integriti Korporat (CIDC), MACA berjaya mencapai sasaran.

Program CeIO diteruskan dalam tahun 2012. Sebanyak dua siri pengambilan telah dilaksanakan. Jumlah CeIO yang telah berjaya dilahirkan oleh MACA adalah seramai 82 orang merangkumi, (i) 46 pegawai dari 31 Jabatan/Agensi Kerajaan; dan (ii) 36 pegawai dari 28 agensi Swasta/GLCs. Secara keseluruhannya, boleh dikatakan bahawa Program CeIO mampu mencapai aspirasi semua pihak dalam masyarakat meliputi pemimpin, organisasi awam, organisasi swasta dan seluruh lapisan masyarakat. Melalui program CeIO ini, hasrat untuk meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap usaha SPRM dalam membanteras rasuah menjadi lebih positif. Sekaligus, imej MACA dan SPRM akan menjadi lebih baik.

## KEMBARA INTEGRITI SEBAGAI WADAH PENYATUAN STRATIFIKASI SOSIAL KE ARAH PENINGKATAN INTEGRITI MASYARAKAT

Usaha membanteras rasuah, penyelewengan dan salahguna kuasa sewajarnya menjadi tanggungjawab bersama masyarakat. Demikian juga dengan hasrat meningkatkan integriti, seharusnya dimainkan oleh setiap individu supaya menjadi budaya yang diamalkan setiap masa. Metod sesuai yang boleh dilakukan ialah melalui aktiviti kemasyarakatan. Penyatuan pelbagai lapisan masyarakat dalam suatu aktiviti dapat menimbulkan perkongsian pengalaman yang amat bermakna. Rentetan peristiwa dalam kehidupan khususnya mengharungi cabaran lampau mampu menjadi teladan bermakna buat generasi muda.



Kembara Integriti 2012 merupakan Projek Tanggungjawab Sosial atau Corporate Social Responsibility (CSR) yang wajib dijalankan oleh peserta dan menjadi sebahagian daripada modul latihan CeIO. Projek CSR ini wajib dilaksanakan secara berkumpulan. Segala perbelanjaan berkaitan penganjuran tidak diperuntukkan kewangan oleh MACA. Ini bermakna setiap peserta wajar

menggunakan kreativiti dan kecekapan masing-masing dalam menjayakan projek.



Sebanyak dua Projek CSR telah dijalankan iaitu pada 13 – 15 April 2012 dan 20 – 22 Oktober 2012. Sepanjang tempoh program berlangsung, beberapa aktiviti kemasyarakatan dijalankan seperti gotong royong dan sukaneka. Program ini dapat memberi kefahaman yang jelas mengenai kepentingan nilai integriti dalam diri dan memupuk hubungan erat antara masyarakat dan jabatan Kerajaan.

Secara keseluruhannya, Program ini telah berjaya menerapkan nilai-nilai murni dalam diri setiap peserta. Pengalaman mencari dana bagi menjayakan program merupakan cabaran yang sukar dilupakan. Kepimpinan dalam kumpulan dan kesatuan yang jitu adalah antara nilai murni yang dapat disematkan dalam diri peserta. Perkongsian pengalaman dalam Kembara Integriti menjadi bekalan amat bermakna buat peserta. Hasil yang diharapkan diakhir program ialah peserta akan mendokong dan mengamalkan integriti sepanjang masa bagi memastikan masyarakat yang serba kekurangan terbela dan mendapat hak mereka.

## PROGRAM LATIHAN IKRAR INTEGRITI KORPORAT

Ikrar Integriti Korporat atau Corporate Integrity Pledge (CIP) ialah dokumen yang membenarkan sesebuah syarikat korporat di Malaysia untuk menyatakan komitmen bagi mendukung Prinsip Pencegahan Rasuah. Setelah menandatangani ikrar ini, sesebuah syarikat telah mengakui dan membuat keputusan satu pihak (unilateral) yang bersetuju bahawa, syarikat tidak akan terlibat dalam jenayah rasuah. Sesebuah syarikat juga bersedia untuk berganding bahu mewujudkan persekitaran perniagaan yang bebas daripada rasuah, mendukung Prinsip Pencegahan Rasuah untuk Syarikat di Malaysia dalam urusan perniagaan dan interaksinya dengan rakan perniagaan dan juga Kerajaan.

Pusat Pembangunan Integriti Korporat merupakan agensi yang diberi tanggungjawab dalam melatih kakitangan syarikat yang telah menandatangani ikrar tersebut. Sepanjang tahun 2012, terdapat beberapa siri latihan yang telah dijalankan. Sebanyak 11 program telah dijalankan membabitkan pelbagai syarikat seperti Telekom Malaysia, Tenaga Nasional dan sebagainya. Sasarannya adalah secara menyeluruh melibatkan pengurusan tertinggi hingga ke peringkat bawahan, pembekal dan kesatuan sekerja.

Impak ketara dari program dijalankan ialah meningkatnya pengetahuan peserta terhadap kesalahan rasuah, penyelewengan dan salahguna kuasa. Pengetahuan yang diperolehi amat bermakna dalam memandu peserta untuk mengendalikan tugas sehari-hari. Apa yang diharapkan ialah keupayaan peserta untuk bertindak menjauhi rasuah dan jenayah lain. Melalui kesedaran dan penghayatan itu dijangka para peserta mampu untuk mengamalkan budaya integriti setiap masa.





## PUSAT PERANCANGAN PENYELIDIKAN DAN KORPORAT



*Pusat Perancangan, Penyelidikan dan Korporat (PRCC) berperanan sebagai pemangkin kepada perancangan strategik di MACA. PRCC terlibat dan bertanggungjawab secara terus dalam merencana program tahunan dan agenda strategik dan berimpak tinggi di MACA melalui pembelajaran dan pembangunan (Learning and Development)*



## PUSAT PERANCANGAN PENYELIDIKAN DAN KORPORAT

Pusat Perancangan, Penyelidikan dan Korporat (PRCC) berperanan sebagai pemangkin kepada perancangan strategik yang wujud di MACA. Sebagai sebuah pusat yang terlibat dan bertanggungjawab secara terus dalam merencana program tahunan dan agenda strategik dan berimpak tinggi di MACA khususnya dalam meningkatkan kapasiti dan kapabiliti warga SPRM melalui pembelajaran dan pembangunan (Learning and Development). Antara tugas-tugas yang menjadi agenda utama pusat ini adalah menjalankan kajian keberkesanan program latihan, Analisis Keperluan Latihan (TNA), Training Gap Analysis (TGA), penyelaras pelaporan peringkat jabatan dan inter-jabatan berkaitan pengurusan latihan, penyelaras penerbitan bahan-bahan ilmiah dan buku latihan tahunan, penyelaras bank data tenaga pengajar, Pelan Operasi Latihan (POL) SPRM, Key Performance Indicator (KPI) MACA, pelaksanaan pembangunan kurikulum program latihan, pengajur segmen perkongsian ilmu iaitu Seminar Bicara Ilmu secara berkala, menerbitkan Buletin Akademi, aktiviti publisiti dan media melalui unit-ehwal korporat.

### PANEL PENASIHAT PEMBANGUNAN KURIKULUM LATIHAN SPRM (PPPKL)

Kewujudan Panel Penasihat Pembangunan Kurikulum Latihan SPRM (PPPKL) adalah bukti kesungguhan MACA dalam meletakkan hala tuju jelas dalam memastikan latihan pencegahan rasuah yang berkualiti ditawarkan. Entiti tersebut

berperanan sebagai penasihat kepada tenaga pengajar MACA dalam bidang latihan.

PPPKL yang dipengerusikan oleh YBhg. Dato Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pengurusan dan Profesionalisme) SPRM pula berperanan menasihati MACA khususnya dalam program latihan kepada pegawai dan kakitangan SPRM serta peserta-peserta agensi kerajaan dan swasta dalam negara. Ahli-ahli PPPKL diberisi oleh Profesor Dato' Dr. Zakaria Kasa dari Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Profesor Madya Datuk Dr. Abdul Halim Sidek dari Universiti Malaysia Kelantan, Profesor Madya Dr. Mohamed Fadzil Che Din dari Universiti Pertahanan Nasional Awam Malaysia (UPNM) (ATMA) dan Puan Sivanesuvary Appukuddy dari INTAN.

### MEMBINA KEUPAYAAN DALAM PENGURUSAN LATIHAN

MACA menganjurkan seminar pengukuhan profesionalisme pada 17 Disember 2012 yang lalu. Seminar yang dihadiri oleh 46 orang pegawai dan kakitangan MACA telah dijalankan di MACA Wilayah Timur, Kelantan. Seminar ini merupakan sebahagian daripada program tahunan yang telah dirangka bagi melatih pegawai dan kakitangan MACA dalam persiapan memperbaiki gaya pengurusan kerja dan pendedahan awal kepada perancangan aktiviti MACA bagi tahun 2013.

Sepanjang sesi seminar dijalankan, peserta-peserta seminar terbahagi kepada 3 kumpulan bengkel iaitu Organisational Enhancement Through Strategic Learning bagi Kumpulan Pengurusan & Profesional, Train The Trainer bagi Kumpulan

Sokongan SPRM dan Pengurusan Audit Kewangan bagi Kumpulan Gunasama MACA. Selain menumpukan kepada tatacara pengurusan, keperluan aspek kerohanian turut dititikberatkan. Sehubungan itu satu sesi program penerapan nilai-nilai murni dalam tugas harian sebagai penjawat telah diadakan. Selain itu, seminar pengukuhan ini juga turut diadakan satu sesi soal jawab antara pihak pengurusan dan warga MACA bagi memperbaiki mutu perkhidmatan yang disediakan.



### MACA PENCETUS MEDAN PERKONGSIAN ILMU DAN PENGALAMAN

Sebagai sebuah pusat kecemerlangan MACA tidak sunyi dari program-program berbentuk ilmu dan pengalaman. Justeru itu, pada tahun 2012, sebanyak 3 program seminar perkongsian ilmu dengan menggunakan platform "SEMINAR BICARA ILMU" telah berjaya dilaksanakan dengan impak yang sangat positif. Para peserta yang terdiri daripada warga SPRM telah menghadiri seminar ini. Dalam membina budaya kerja penuh berintegriti dan berpengetahuan, program berbentuk pengisian ilmu ini dijalankan bagi memberi pendedahan kepada pegawai SPRM tentang maklumat baru yang digunakan dalam pencegahan rasuah.

Isu yang dibicarakan adalah bertujuan untuk membantu peserta memahami kepentingan dan peranan masing-masing dalam usaha memerangi rasuah di samping menjadikan MACA sebagai tempat perkongsian idea dan pengalaman.



**Seminar Bicara Ilmu Siri 4 / Bil 5 Tahun 2012** pada 27 September 2012 menyaksikan para peserta menimba ilmu dan pengalaman daripada KPKPj Moh Samsudin bin Yusof bagi tajuk Course On Turning Around Difficult Peoples and Conflicts Into Opportunities dan KPKPj Haji Md.Yusoff bin Md Zain dengan tajuk Thinking Out The Box. Program kali ini juga menyelitkan segmen baru iaitu Sesi Interaksi Bestari sebagai daya tarikan terbaru dalam Seminar Bicara Ilmu dengan tajuk "Kejayaan Kes Di Mahkamah Bergantung Kepada Peranan Timbalan Pendakwa Raya atau Pegawai Penyiasat" ini dipengerusikan oleh Yang Berbahagia Dato' Haji Shamshun Baharin bin Mohd Jamil dan turut serta adalah Yang Berbahagia Dato' Haji Abdul Razak bin Musa dan Y.Bhg. Datuk Haji Mustafar bin Haji Ali. Sesi ini telah mendapat sambutan yang hangat kerana tajuk yang diperbincangkan amat relevan dengan tugas operasi SPRM.

**Seminar Bicara Ilmu Siri 3 / Bil 4 Tahun 2012** membawa tema “Membina Jaringan Kerjasama Global Dalam Pemantapan Pencegahan Rasuah. Seramai 70 orang peserta daripada kalangan pegawai kanan SPRM telah menghadiri seminar ini pada 24 Jun 2012. Program ini dijalankan sebagai pendedahan kepada pegawai SPRM tentang maklumat baru serta membentuk budaya kerja berintegriti dan berpengetahuan. Dua kertas kerja telah disampaikan oleh Penolong Kanan Pesuruhjaya Alias Bin Salim dan Penolong Pesuruhjaya Ch'ng Soon Heng dengan tajuk ceramah “Better Governance-Managing Corruption Programme For Heads Of Investigation” dan “Kursus Fraud dan Public Corruption Investigation”.



**Seminar Sehari Bicara Ilmu Siri 2 / Bil 3 Tahun 2012** dengan tema “Memacu Kerjasama Global Dalam Pencegahan Rasuah : Peranan Warga SPRM” telah dijalankan pada 24 April 2012. Dalam membina budaya kerja penuh berintegriti dan berpengetahuan program berbentuk pengisian ilmu dijalankan ini bagi memberi pendedahan kepada pegawai-pegawai SPRM tentang maklumat baru yang digunakan dalam pencegahan rasuah. Sepanjang program ini berjalan, dua kertas kerja telah disampaikan oleh

oleh Penolong Pesuruhjaya Azmi bin Haji Mohd dan Penolong Pesuruhjaya Mohd Zakkuan bin Talib dengan tajuk ceramah “ The Importance Of International Cooperation In Fighting Against Corruption : MACC Experience” dan “Program Sangkutan Pembangunan Pengurusan JPA – BMCC ”.

### **SESI PERKONGSIAN ILMU BERSAMA PLC**

MACA telah mengadakan satu sesi bengkel perkongsian ilmu bersama Petronas Leadership Centre [PLC] pada 13 Jun 2012. Program ini merupakan sebahagian daripada susulan hasil perbincangan semasa sesi lawatan MACA ke PLC pada 30 Mei 2012 yang lalu. MACA telah menjemput dua orang pegawai dari PLC iaitu Encik Ramli Atan dan Encik Ismail Saleh untuk memberikan penerangan berkaitan sistem 6E iaitu “Engage, Explore, Envision, Emerge, Execute, Evaluate” yang telah diperkenalkan oleh PLC sebagai panduan kepada MACA dalam menuju Pusat Kecemerlangan Kepimpinan. Sesi perkongsisian ilmu telah memberi banyak manfaat kepada MACA.



## PENERBITAN PELAN STRATEGIK TRANSFORMASI MACA 2012-2014

MACA telah menghasilkan sebuah pelan jangka panjang iaitu Pelan Strategik Transformasi MACA 2012-2014 diwujudkan seiring dengan pelan transformasi yang berlaku di dalam SPRM secara keseluruhan. Dengan inspirasi yang tercetus dari agenda transformasi oleh SPRM, pelan ini berperanan sebagai panduan kepada MACA sebagai pusat kecemerlangan agar sentiasa responsif dan bersedia menggalas tanggungjawab dalam memberi ruang dan peluang pembelajaran yang efektif dan berkualiti dalam bidang pencegahan rasuah.



### AGENDA BINA KEUPAYAAN TENAGA PENGAJAR MACA

Latihan merupakan salah satu proses penting dalam sesebuah organisasi ke arah mencapai objektif dan matlamat dalam bidang tugas masing-masing. Latihan yang dijalankan mestilah mematuhi keperluan sebenar latihan dari sudut modul dan kaedah ianya disampaikan kepada peserta. Organisasi yang mampu berdaya saing perlu mempunyai kumpulan pegawai dan kakitangan yang mampu untuk mengendali dan melatih kakitangan menggunakan kepakaran sebagai tenaga pengajar yang berkesan. MACA sentiasa memberi peluang kepada tenaga pengajar untuk diberi nilai tambah dalam aspek latihan agar impak yang diharapkan dapat dicapai. Justeru itu, sepanjang tahun 2012, seramai 5 orang tenaga pengajar MACA telah diberi peluang mengikuti program latihan di luar negara melalui peruntukan Institut Latihan Awam (ILA) – Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bagi tahun 2012 di tiga (3) buah institusi iaitu di National Policing Improvement Agency (NPIA), United Kingdom, Royal Institute of Public Administration (RIPA), United Kingdom dan Langevin Learning Institute, Washington D.C USA.

## TNA: PENGERAK PROGRAM LATIHAN BERKUALITI TAHUN 2013

Satu kajian keperluan latihan [Training Needs Analysis (TNA)] telah dilaksanakan pada tahun 2012 bagi memastikan program latihan yang dilaksanakan oleh MACA pada tahun 2013 merupakan keperluan latihan warga SPRM yang dikenal pasti oleh pengarah di peringkat SPRM Bahagian dan Negeri. Hasil dapatan daripada kajian ini, Kalendar Latihan Tahun 2013 terhasil, dengan memfokuskan latihan kepada 4 segmen iaitu segmen operasi, segmen pencegahan, segmen pengurusan dan profesionalisme serta segmen antarabangsa. Sebanyak 122 latihan yang ditetapkan dalam kalendar tahun 2013 adalah hasil kajian analisa keperluan latihan yang dilaksanakan secara holistik pada tahun 2012.



Program Latihan Tahunan  
**MACA 2013**  
Peneraju Pusat Kecemerlangan Pencegahan Rasuah



## TGA: PEMACU KE ARAH PENAMBAHBAIKAN KUALITI LATIHAN



Training Gap Analysis (TGA) atau dikenali sebagai Analisis Jurang Latihan telah dilaksanakan pada tahun 2012 dengan memfokuskan kepada satu isu latihan iaitu aspek latihan dalam bidang perundungan dan pendakwaan. Hasil kolaborasi di antara PRCC dan Sekolah Perundungan dan Pendakwaan MACA, satu kajian analisis jurang latihan telah dijalankan ke atas peserta-peserta yang pernah menghadiri program latihan "Kursus Asas Pendakwaan" anjuran MACA. Hasil dapatan menunjukkan bahawa program ini relevan untuk memastikan kelangsungan pegawai pendakwa dalam kalangan pegawai SPRM. Selain daripada itu, isu penempatan tempat bertugas pegawai juga merupakan isu yang perlu diambil perhatian agar ilmu dan pengalaman yang ditimba dari Kursus Asas Pendakwaan dapat dipraktikkan dalam arena Mahkamah serta peluang-peluang latihan yang berkualiti perlu diberi kepada pegawai pendakwa sepanjang masa yang berkecimpung dalam arena perundungan dan pendakwaan.

## NEWSLETTER MACA / BULETIN AKADEMI – PLATFORM “KNOWLEDGE SHARING” SECARA HOLISTIK

Sebagai sebuah pusat penyedia latihan, MACA sentiasa peka ke arah mewujudkan sebuah medan perkongsian ilmu yang komprehensif. Justeru itu, selain penganjuran aktiviti dan program yang memerlukan penglibatan individu dalam menjayakannya, MACA telah mengambil inisiatif mewujudkan perkongsian ilmu yang ilmiah melalui penerbitan Buletin Akademi. Hasil daripada usaha penerbitan bahan ilmu ini, MACA turut terpilih menerima Anugerah Khas Ketua Pesuruhjaya SPRM melalui penghasilan projek penerbitan Newsletter MACA dan Buletin Akademi yang turut diedarkan kepada peserta kursus dari dalam dan luar negara. Selain itu bahan penerbitan ini boleh dimuat turun melalui laman portal rasmi MACA iaitu [www.maca.sprm.gov.my](http://www.maca.sprm.gov.my).



**BULETIN AKADEMI**  
PERCEGAHAN RASUAH MALAYSIA

**KEMBANGAN INTEGRITI 2012**

**Integriti & Aspirasi**

**PENERAJU PUSAT KECEMERLANGAN PENCEGAHAN RASUAH**

## PUSAT KECEMERLANGAN KEPIMPINAN SPRM



PUSAT PENGAJIAN ANTARABANGSA

PUSAT LATIHAN ASAS

PUSAT PEMBANGUNAN INTEGRITI KORPORAT

PUSAT PERANCANGAN  
PENYELIDIKAN DAN KORPORAT

PUSAT KECEMERLANGAN KEPIMPINAN

SEKOLAH RENYIASATAN  
SEKOLAH PERISIKAN

SEKOLAH PERUNDANGAN  
DAN PENDAKWAAN

SEKOLAH PENCEGAHAN  
• RASUAH DAN PENGURUSAN

TAHAGIAN PENGETAHUAN

WILAYAH PUSAT

*Pusat Kecemerlangan Kepimpinan SPRM merupakan pusat pembelajaran kepimpinan bertunjangkan integriti dan membentuk kecemerlangan kepimpinan SPRM dalam usaha memerangi rasuah selain melaksanakan program latihan kepimpinan berdasarkan modul kompetensi kepimpinan yang telah dibangunkan.*



## PUSAT KECEMERLANGAN KEPIMPINAN SPRM

Kecemerlangan sesebuah organisasi adalah disebabkan oleh beberapa faktor tertentu. Bagaimanapun ramai pengurus dan penyelidik dalam bidang kepimpinan dan pengurusan cenderung untuk melihat kepimpinan sebagai penyumbang utama atau penyebab langsung kepada pencapaian kecemerlangan organisasi. Kenyataan ini disokong kuat oleh pendapat dari Fiedler (1967) yang menyatakan bahawa kepimpinan berkesan sering dilihat sebagai sesuatu yang amat penting dalam menerangkan atau membuat ramalan tentang kejayaan organisasi. Berdasarkan dari kepercayaan sedemikian, isu kepimpinan merupakan agenda penting bagi sektor swasta dan sektor awam baik di negara maju atau negara membangun. Isu ini bertambah runcing kerana persekitaran yang sentiasa berubah, merupakan cabaran berterusan yang perlu dihadapi dan ditangani oleh pemimpin-pemimpin dalam semua sektor. Seiring dengan transformasi SPRM, Pusat Kecemerlangan Kepimpinan SPRM (MLEC) telah secara rasminya dibuka pada 23 Oktober 2012 oleh Ketua Pesuruhjaya SPRM, YBhg. Tan Sri Abu Kassim bin Mohamed bertempat di MACA.

MLEC adalah merupakan pusat pembelajaran kepimpinan bertunjangkan integriti dan diyakini dapat membentuk kecemerlangan kepimpinan SPRM dalam usaha memerangi rasuah. Secara tidak langsung ia merupakan usaha memperkasa dan mempromosikan imej SPRM dan MACA di peringkat serantau dan antarabangsa. Sepertimana yang di nyatakan oleh YBhg.

Tan Sri Abu Kassim bin Mohamed iaitu "In leadership, reduce the gap between theory and action."

**Objektif penubuhan MLEC adalah seperti berikut :-**

- Mewujudkan sebuah pusat pembelajaran kepimpinan untuk warga Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);
- Mewujudkan sebuah pusat latihan kepimpinan yang mempromosi serta menggalakan nilai-nilai kepimpinan berdasarkan integriti dan tabdir urus yang terbaik;
- Menjadi pusat rujukan berkaitan dengan kepimpinan dalam pencegahan rasuah kepada agensi kerajaan dan swasta di dalam Negara serta di peringkat antarabangsa.
- Menjadi pusat kecemerlangan kepimpinan berdasarkan integriti dan tabdir urus terbaik di rantau ini khususnya melalui latihan yang komprehensif dan bertaraf antarabangsa.



## MODEL KOMPETENSI MLEC



MLEC berpandukan kepada Model Kompetensi Kepimpinan SPRM yang berlandaskan kepada integriti dan didokong oleh prinsip-prinsip organisasi SPRM iaitu Amanah, Adil, Tegas, Bebas, Telus dan Profesional.

Empat kompetensi kepimpinan yang utama adalah 'Learner', 'Impactful Leader', 'Result Driver' dan 'Visionary and Strategist'. Model ini menentukan bidang kemahiran yang perlu, kebolehan, tatakelakuan, sikap dan pengetahuan bagi perkembangan seorang pemimpin. Ia akan menjadi asas kepada rekabentuk dan penyampaian program pembangunan kepimpinan SPRM. MLEC turut membahagikan peringkat kepimpinan di SPRM kepada empat iaitu "Young Leaders" (Gred P41-P44), "Emerging Leaders" (Gred P48-P52), "Senior Leaders" (Gred P54) dan "Strategic Leaders" (JUSA). Setiap peringkat telah ditentukan tahap kebolehan yang perlu ada mengikut setiap kompetensi. MLEC akan melaksanakan program kepimpinan yang bersesuaian bagi setiap peringkat dan juga program kepimpinan umum di SPRM.

## GLOBAL LEADERSHIP PROGRAMME FOR STRATEGIC LEADERS IN THE NEW MILLENNIUM



Bersempena dengan majlis perasmian MLEC, program "Global Leadership Programme for Strategic Leaders in the New Millennium" telah diadakan di Dewan Brunei, MACA pada 23 – 25 Oktober 2012. Kursus selama 3 hari itu telah dihadiri oleh seramai 13 orang peserta yang terdiri dari pegawai kanan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan seorang peserta luar negara iaitu dari Anti-Corruption Unit of Cambodia. Objektif kursus ini bertujuan untuk



mendedahkan kepada peserta strategi menangani cabaran berlandaskan kepimpinan berintegriti, mengoptimumkan dan mengekalkan potensi kepimpinan serta berkongsi perspektif dan pelan tindakan yang baru sebagai pemimpin di organisasi masing-masing.




#### **TEAM-BASED LEADERSHIP : BUILDING HIGH PERFORMANCE TEAM**



MLEC juga telah mengadakan kursus "Team-Based Leadership: Building High Performance Team" pada 11-13 Disember 2012 di MACA. Seramai 16 orang pegawai SPRM, telah menghadiri kursus

tersebut. Kursus selama 3 hari itu bertujuan untuk memupuk kecekapan kepimpinan bagi membina pasukan yang berprestasi tinggi, menangani tingkah laku dan mengenalpasti tanggungjawab yang diperlukan dalam pelbagai kumpulan orang, memahami budaya kerja berpasukan menggunakan konsep 'coaching and mentoring' dan juga untuk membangunkan pelan tindakan ke arah kepimpinan yang berkemahiran. Majlis penutup kursus telah dirasmikan oleh YBhg. Dato Haji Zakaria Haji Jaffar, Timbalan Ketua Pesuruhjaya(Pengurusan & Profesionalisme) SPRM





## SEKOLAH PENYIASATAN



Sekolah Penyiasatan bertanggungjawab menganjurkan program latihan berkaitan bidang penyiasatan selain menyelaras dan mengendalikan program latihan dengan kerjasama institusi latihan penguatkuasa dalam dan luar negara



## SEKOLAH PENYIASATAN

Sejak penubuhannya sehingga kini pelbagai program latihan telah dibangunkan dan dilaksanakan bagi meningkatkan kapasiti dan kapabiliti pegawai SPRM dan agensi luar dalam bidang penyiasatan kes-kes rasuah. Selaras dengan program transformasi SPRM, Sekolah Penyiasatan turut berperanan membangunkan program latihan berimpak tinggi dan menjadi lebih efektif dalam penyampaian program latihan kepada kumpulan sasaran.

Sekolah penyiasatan secara berterusan membangunkan dan mempermudahkan program latihan mengikut arus perkembangan semasa supaya lebih sistematis dan berkesan. Sejajar dengan objektif MACA, setiap program latihan akan dikendalikan dan dikoordinasikan secara efisien. Dalam masa yang sama, Sekolah Penyiasatan turut menyelaras kursus penyiasatan dengan kerjasama institusi latihan penguatkuasa dalam dan luar negara.

### STRATEGI DAN TEKNIK TEMUDUGA PENYIASATAN YANG SISTEMATIK MENINGKATKAN STANDARD PEGAWAI SPRM

Peranan saksi adalah sangat penting. Keterangan saksi akan menentukan kejayaan atau kegagalan sesuatu kes yang disiasat. Oleh itu, pendekatan teknik temuduga yang berkesan amat penting supaya semua keterangan yang diperlukan daripada saksi/suspek diperolehi.



Selaras dengan cadangan penambahbaikan oleh Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) Teoh Beng Hock, supaya SPRM meningkat tahap piawaian menemuduga saksi/suspek, Sekolah Penyiasatan dengan kerjasama Project Management Office (PMO) membangunkan program latihan dan melaksanakan beberapa siri kursus teknik menemuduga Model PEACE [Planning & Preparation, Engage & Explain, Account, Clarification & Challenge, Closure dan Evaluation]. Objektif utama Model PEACE adalah untuk meningkatkan standard menemuduga dan jumlah fakta/maklumat yang diperolehi daripada saksi/suspek. Bagi memastikan Model PEACE disampaikan secara efektif, Sekolah Penyiasatan telah mendapatkan tenaga pengajar pakar iaitu Encik Dave Loftus daripada National Policing Improvement Agency (NPIA), United Kingdom. Pada tahun 2012, tiga (3) siri Kursus Model PEACE telah dilaksanakan yang melibatkan seramai 82 orang pegawai penyiasat.



Selain itu, pegawai penyiasat SPRM turut didekahkan kepada kursus "The REID Technique Of Interviewing And Interrogation". Teknik REID merupakan satu kaedah menemuduga untuk menilai kredibiliti saksi/suspek. Ianya terdiri daripada teknik temuduga bukan menuduh (non-accusatory) dan menggabungkan kedua-dua soalan penyiasatan dan tingkah laku-provokasi. Teknik REID mengandungi tiga kompenan yang berbeza tetapi saling berkait iaitu analisis fakta, analisis temuduga kelakuan dan soal siasat. Kursus ini dikendalikan sepenuhnya oleh Encik Daniel S. Malloy seorang pakar bertauliah dalam Teknik REID daripada John E. Reid Associates Amerika Syarikat (USA). Kursus ini telah dilaksanakan pada 28-31 Mei 2012 dan dihadiri seramai 31 orang pegawai penyiasat SPRM.

Sekolah Penyiasatan turut menganjurkan Kursus "FBI Investigation Interviewing" bagi meningkatkan lagi keupayaan pegawai penyiasat dalam menjalankan temuduga terhadap saksi/suspek. Objektif kursus adalah untuk meningkatkan kemahiran peserta dalam menjalankan temuduga terhadap saksi/suspek secara cekap melalui teknik menyoal yang betul dan mempelajari dan mengamalkan teknik soal siasat berperikemanusiaan. Kursus ini dikendalikan oleh Mr. Sean R Andersen [ Supervisory Special Agent , FBI Academy, Virginia, USA ] dan Mr. Hal S. Stutsman [ Supervisory Special Agent, Law Enforcement Communication Unit , FBI Academy, Virginia, USA]. Ianya telah dianjurkan pada 24-28 September 2012 yang dihadiri oleh 37 orang peserta.



Kursus Model PEACE , Teknik REID dan "FBI Investigation Interviewing" memberi pendedahan kepada pegawai mengenai tiga pendekatan yang berbeza dalam menemuduga saksi/suspek. Hasil maklumbalas peserta daripada ketiga-tiga kursus tersebut memberi impak yang baik kerana dapat meningkatkan kemahiran dan keupayaan dalam menjalankan temuduga terhadap saksi/suspek.

## **PSIKOLOGI DAN PERSONALITI : BAHASA TUBUH TERJEMAHAN MINDA BAWAH SEDAR**

Tubuh manusia berkait rapat dengan minda. Bahasa tubuh adalah pergerakan yang di luar kawalan minda sedar. Dengan kata lain, ia berlaku dengan sendiri tanpa disedari. Memahami bahasa tubuh merupakan elemen yang penting untuk dipelajari oleh pegawai SPRM dalam memantapkan tugas kerana sentiasa berhadapan dengan saksi/suspek. Ia juga sejajar dengan cadangan penambahbaikan daripada RCI agar pegawai SPRM dilatih mengenai aspek psikologi. Sekolah Penyiasatan telah menganjurkan Kursus Psikologi Dalam Fisiologi Penipuan Dan Kelakuan Emosi Dalam Penyiasatan Kriminal. Objektif kursus adalah untuk meningkatkan kemahiran pegawai dalam membaca bahasa tubuh saksi/suspek dalam mengesan penipuan semasa proses temu duga. Encik Jackson Yogorajah daripada Jackson Body Language International Sdn. Bhd telah mengendalikan kursus ini secara interaktif meliputi kajian kes, role plays, pembentangan, latihan dalam kumpulan dan ceramah. Kursus ini telah dilaksanakan pada 11-13 Jun 2012 dan dihadiri oleh 31 orang peserta.

## **VIDEO INTERVIEWING ROOM (VIR) : TRANSFORMASI DALAM RAKAMAN PERCAKAPAN**

Tahap profesionalisme SPRM berada pada tahap yang tinggi apabila penggunaan VIR diwajibkan semasa merakam percakapan tertuduh. Penggunaan VIR adalah untuk meningkatkan ketulusan dan menangkis tuduhan penyalahgunaan kuasa oleh pegawai SPRM semasa proses merakam percakapan tertuduh.



Rakaman visual dan audio dibuat secara sistematis dan berkualiti agar ianya boleh diterima masuk sebagai keterangan di mahkamah. Inisiatif ini dilaksanakan oleh SPRM hasil daripada cadangan penambahbaikan oleh Suruhanjaya DiRaja (RCI) Teoh Beng Hock.

Bagi memastikan pegawai SPRM dapat menggunakan VIR secara sistematis, MACA melalui Sekolah Penyiasatan diberi tanggungjawab untuk melatih pegawai siasatan SPRM. Sehubungan itu, MACA telah menyediakan sebuah bilik simulasi VIR yang lengkap untuk tujuan latihan VIR. Sepanjang tahun 2012, Sekolah Penyiasatan telah menganjurkan 14 siri Kursus Kaedah Merakam Percakapan Dengan Penggunaan VIR dan telah melatih sejumlah 433 orang pegawai. Kursus ini bertujuan memberi ilmu pengetahuan kepada pegawai mengenai kaedah penggunaan VIR dan isu-isu perundangan semasa.

## FORENSIK MEMANTAPKAN PENYIASATAN KES RASUAH

Kesungguhan SPRM untuk membanteras jenayah rasuah diperhebatkan lagi dengan melengkapkan pegawai siasatannya dengan ilmu perakaunan forensik, kejuruteraan forensik dan digital forensik. Bidang forensik menjadi tumpuan SPRM kerana iaanya terbukti berkesan dalam menyelesaikan kes-kes jenayah rasuah yang kompleks. Menyedari hakikat tersebut, MACA telah merangka modul-modul forensik perakaunan, forensik kejuruteraan dan forensik digital yang komprehensif.

Forensik kewangan merupakan cabang yang sangat penting dalam perakaunan. Ianya merupakan kaedah analisis penjelasan kepada fenomena penipuan akaun. Perakaunan forensik berupaya mengesan penipuan di dalam domain sistem perakaunan. Sepanjang tahun 2012, Sekolah Penyiasatan telah menganjurkan 4 kursus lanjutan perakaunan forensik yang melibatkan 90 orang peserta. Kursus tersebut telah dapat membangunkan keupayaan dan kemampuan peserta mengenai undang-undang perakaunan bagi mendapat gambaran yang komprehensif berkenaan penipuan laporan kewangan.



Kejuruteraan forensik merupakan penggunaan ilmu pengetahuan kejuruteraan untuk menyiasat kegagalan atau masalah prestasi sesuatu struktur. Bidang forensik penting bagi mempercepatkan penyiasatan kes-kes kejuruteraan yang berprofil tinggi dan berkepentingan awam. Sehubungan dengan itu, pada 27.12.2010 SPRM telah memeterai memorandum kerjasama dengan Kumpulan IKRAM Sdn. Bhd dalam bidang kejuruteraan forensik. MACA dengan kerjasama IKRAM telah membangunkan modul latihan kejuruteraan forensik yang bersesuaian. Modul yang dibangunkan membolehkan perkongsian kepakaran dalam meningkatkan kemampuan membanteras rasuah dalam aspek kejuruteraan. Pada tahun 2012, Sekolah Penyiasatan dengan kerjasama IKRAM telah menganjurkan satu kursus kejuruteraan forensik yang melibatkan 10 orang peserta.

Digital forensik menjadi salah satu cabang penting terutamanya dalam mengendalikan kes-kes berkaitan dunia digital. Tujuan digital forensik adalah mengenalpasti, memelihara, memulihkan, menganalisis dan menyajikan fakta. Dalam usaha meningkatkan kemahiran pegawai SPRM yang terlibat dalam bidang forensik digital, Sekolah Penyiasatan membangunkan modul latihan digital forensik yang komprehensif. Pada tahun 2012, sejumlah 2 Kursus Lanjutan Pemeriksaan Forensik Digital telah dilaksanakan. Objektif pembelajaran adalah meningkatkan kemahiran peserta dalam melaksanakan pemeriksaan barang kes dalam bentuk digital dan isu perundangan digital semasa.



PUSAT PENGAJIAN ANTARABANGSA

PUSAT LATIHAN ASAS

PUSAT PENGURUSAN INTEGRITI KORPORAT

PUSAT PENGURUSAN KORPORAT

KEPIMPINAN

TAN

IKAN

DAN PENDAKWA

SEKOLAH PENCEGAHA

RASUAH DAN F

BAHAGIAN PENGURUSAN

MACA WILAYAH TIMUR

## SEKOLAH PERISIKAN

Sekolah Perisikan bertanggungjawab menganjurkan program latihan berkaitan tugas operasi perisikan dan alat bantuan teknikal. Sekolah Perisikan turut menyelaras dan mengendalikan program latihan dalam bidang perisikan dengan kerjasama agensi kerajaan / badan berkanun, syarikat swasta dan agensi luar negara.



## SEKOLAH PERISIKAN KE ARAH MEREALISASIKAN IMPIAN MACA

Selaras dengan objektif MACA mengorak langkah proaktif merealisasikan matlamat tersebut. Sepanjang 2012, selain latihan kepada SPRM, Sekolah Perisikan MACA juga telah mendapat kepercayaan dari agensi penguatkuasaan dalam dan luar negara dalam bidang latihan perisikan. Ini merupakan satu pengiktirafan kepada MACA sebagai sebuah institusi latihan bertaraf antarabangsa.

### INTIPAN EFEKTIF: LATIHAN BERTARAF ANTARABANGSA

Cabar yang besar bagi Sekolah Perisikan MACA apabila ia telah diberi kepercayaan oleh MACA untuk menganjurkan Kursus Intipan Berkesan di Miri, Sarawak pada bulan September 2012. Kursus ini turut disertai oleh Pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), dan Pegawai Biro Mencegah Rasuah Brunei (BMR). Kursus ini, diberikan kepada amali intipan berjalan kaki dan berkenderaan. Dalam intipan berkenderaan pula, para peserta dilatih teknik pemanduan yang betul semasa mengekori target seperti jarak dan kelajuan. Apa yang menariknya, kursus ini buat pertama kalinya merealisasikan latihamal berdasarkan kes yang sebenar iaitu kes penyeludupan minyak. Pelaksanaan latihamal ini merupakan satu percubaan oleh MACA terutama bersama agensi luar ternyata mendapat kejayaan sebagai yang diharapkan. Majlis penutupan kursus ini telah disempurnakan oleh Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pengurusan dan Profesionalisme), Dato Hj. Zakaria bin Hj Jaffar.

### POS MALAYSIA BERHAD MENIMBA ILMU PERISIKAN DI MACA

Sekolah Perisikan juga telah menerima 25 orang Pegawai Penyiasat Pos Malaysia Berhad untuk diberikan pendedahan tugas-tugas pegawai perisikan. Pegawai-pegawai daripada MACA dengan kerjasama Bahagian Perisikan, Ibu Pejabat SPRM Putrajaya yang berpengalaman luas telah diberi amanah untuk melatih 25 orang Pegawai Penyiasat Pos Malaysia Berhad. Kursus ini memakan masa tiga hari dan peserta-peserta telah didedahkan kepada asas-asas perisikan secara komprehensif. Walau bagaimanapun tumpuan utama diberikan kepada teknik-teknik intipan berjalan kaki sebagaimana keperluan organisasi tersebut. Untuk memberi kefahaman yang jelas kepada mereka selain teori mereka telah menjalani latihamal berjalan kaki yang diadakan di sekitar Kuala Lumpur. Secara keseluruhannya, latihamal ini amat berjaya kerana mereka telah mendapat kefahaman sebenarnya berbanding dengan pengajaran secara teori sahaja.



## LHDN MELONJAK TRANSFORMASI PEGAWAI KE DUNIA PERISIKAN SPRM

Sebuah lagi organisasi luar iaitu Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) turut berminat untuk mendapatkan kepakaran Sekolah Perisikan MACA. Sebagai organisasi yang bertanggungjawab mengutip hasil negara sudah pasti mereka memerlukan sebuah pasukan perisikan yang berpengetahuan tinggi dan profesional dalam melaksanakan tugas perisikan berkaitan hasil.

Dengan kepakaran yang ada, Sekolah Perisikan telah berjaya memberi latihan atas perisikan kepada 38 Pegawai Penyiasat LHDN dari semua segi aspek perisikan. Komitmen tinggi yang diberikan oleh peserta-peserta kursus sepanjang masa menunjukkan keberkesanan modul-modul yang disediakan oleh sekolah Perisikan.



## JALINAN KERJASAMA SPRM-BSPP (ATM)

Apa yang lebih menarik apabila kursus Pembentukan Pegawai Undercover yang diadakan pada bulan November 2012 di Johor Baharu turut disertai oleh dua pegawai tentera ber pangkat Kapten dan Pegawai Waran 1 dari Bahagian Staff Perisikan Pertahanan (BSPP), serta Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Pengalaman mereka boleh dikongsi bersama semasa kursus dan kehadiran mereka menjadi cabaran kepada peserta kursus yang lain di mana selama ini kursus hanya bersama-sama dengan staf SPRM sahaja. Di dalam kursus ini peserta telah ditunjukkan teknik-teknik menjawai watak-watak yang dipegang semasa menjadi Pegawai Undercover dan bagaimana melindungi identiti baru sebagai pegawai undercover semasa menjalankan operasi dan mengumpul maklumat dengan berkesan tanpa dapat dikesan oleh target. Kejayaan menganjurkan kursus melibatkan Jabatan/Agensi luar seperti Bahagian Staf Perisikan Pertahanan (ATM), Pos Malaysia Berhad dan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) serta Biro Mencegah Rasuah (BMR) Brunei telah menjadi pemangkin kepada penghasilan program latihan berkualiti oleh Sekolah Perisikan. Secara tidak langsung program latihan untuk agensi luar ini memperkenalkan bahawa Sekolah Perisikan mampu memikul tanggungjawab yang diamanahkan dan menjadi perangsang dalam penyediaan modul latihan perisikan yang lebih berkualiti dan bertaraf global pada masa hadapan.

# SEKOLAH PERUNDANGAN DAN PENDAKWAAN



Sekolah Perundangan dan Pendakwaan bertanggungjawab mengendalikan kursus perundangan dan pendakwaan untuk pegawai SPRM, Timbalan Pendakwaraya SPRM dan agensi penguatkuasaan tempatan dengan kerjasama Jabatan Peguam Negara dan institusi pengajian tinggi tempatan.



## SEKOLAH PERUNDANGAN DAN PENDAKWAAN

### LINDUNGI PEMBERI MAKLUMAT DAN SAKSI : SUATU PERJUANGAN

Sebagai menyahut aspirasi menggalakkan kesedaran betapa pentingnya pemberi maklumat dan saksi-saksi SPRM dilindungi, MACA telah mengadakan Simposium Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (APPM) dan Akta Perlindungan Saksi 2009 (APS) pada 3 hingga 5 Julai 2012. Simposium telah dihadiri dari kalangan pegawai-pegawai SPRM dari Bahagian Siasatan dan Bahagian Perundangan dan Pendakwaan. Simposium ini telah berjaya memberikan kefahaman dan kesedaran kepada para peserta betapa perlunya menjaga keselamatan dan kebajikan pemberi maklumat dan saksi, dengan itu mendapatkan keyakinan mereka untuk memberi kerjasama kepada SPRM secara berterusan. Hasil kerjasama yang positif ini dapat membantu mempertingkatkan keberkesanan sabitan kes-kes rasuah dan salahguna kuasa di Mahkamah.



### INISIATIF MENJANA KOMPETENSI MODAL INSAN BIDANG PERUNDANGAN

Selaras dengan pindaan Kanun Prosedur Jenayah dan Akta Keterangan, MACA bersama-sama Bahagian Perundangan Dan Pendakwaan SPRM, telah menganjurkan sebuah Seminar Pindaan Undang-Undang untuk para Timbalan Pendakwa Raya, pegawai pendakwa dan pembantu undang-undang SPRM pada 11 Februari 2012. Ianya memerlukan Pegawai Pendakwa yang berpengetahuan dan mahir bagi memastikan sabitan sesuatu kes di Mahkamah. Atas keperluan melahirkan barisan pendakwa-pendakwa yang efektif, MACA menganjurkan kursus Pendakwaan pada 2 hingga 10 April 2012 untuk peserta dalam kalangan Timbalan Pendakwa Raya, Pegawai Pendakwa serta Pegawai Penyiasat SPRM. Untuk memastikan mutu pembelajaran yang berkesan, para tenaga pengajar telah dipilih dari kalangan Timbalan-Timbalan Pendakwa Raya yang kanan dan berpengalaman luas dalam pendakwaan kes rasuah dan salahguna kuasa di Mahkamah.

Modul yang disediakan mendedahkan para peserta kepada tugas dan tanggungjawab Pegawai Pendakwa, proses dan prosiding kes di Mahkamah, serta peserta menjalani Latih Amal Perbicaraan ( Mock Trial ) di Moot Court yang disediakan. Selepas menjalani kursus ini peserta telah dianugerahkan surat pemberian kuasa untuk mendakwa yang ditetapkan di bawah Seksyen 377(b) Kanun Prosedur Jenayah, untuk menjalankan pendakwaan kes-kes kesalahan di bawah Akta SPRM 2009.

Susulan daripada program latihan melahirkan para pegawai pendakwa, sebuah program latihan yang memfokuskan seni kepeguanan telah dilaksanakan. Setelah mengenal pasti keperluan ini, MACA telah melaksanakan Kursus The Art of Advocacy pada 12 hingga 13 Oktober 2012. Program ini telah diadakan khas untuk seramai 56 orang Timbalan Pendakwa Raya dan pegawai pendakwa SPRM dari Bahagian Perundangan & Pendakwaan Ibu Pejabat SPRM dan SPRM Negeri. Para peserta program telah didedahkan dengan aspek-aspek seni kepeguanan dari perspektif pendakwaan, tatacara rundingan pra-perbicaraan, tatacara pengurusan kes, kepeguanan dari perspektif Hakim Mahkamah Khas Rasuah, kepeguanan dari perspektif Hakim Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan, dan isu-isu semasa dan penambahbaikan keberkesanan pengendalian kes rasuah dan penyalahgunaan kuasa di Mahkamah.

Melalui program ini, secara tidak langsung dapat membina jalinan rangkaian kerjasama antara pihak MACA, Bahagian Perundangan &

Pendakwaan SPRM, Jabatan PEGUAM NEGARA, Jabatan Kehakiman Negara khususnya bagi meningkatkan kualiti dan keberkesanan perbicaraan kes rasuah di Mahkamah.



## UNDANG-UNDANG TERAS LATIHAN

## KETERANGAN: PERUNDANGAN

Bahagian Perundangan Dan Pendakwaan SPRM telah mensasarkan kadar sabitan kes peringkat nasional sebanyak 85 peratus. Dengan kadar sabitan yang tinggi ini, dapat memberikan keyakinan masyarakat kepada SPRM sebagai organisasi berprestasi tinggi dari segi keberkesanan memerangi jenayah rasuah di Malaysia. Dijangkakan dengan keyakinan tersebut, sokongan dan kerjasama masyarakat dapat di gembeling untuk menyemarakkan proses transformasi SPRM yang dilaksanakan. Bagi memastikan kadar sabitan yang tinggi, pegawai pendakwa dan pegawai penyiasat penting mengetahui, memahami dan mahir dalam pemakaian undang-undang keterangan secara komprehensif. Pada 24 hingga 25 April 2012, MACA menganjurkan Kursus Akta Keterangan 1950 kepada pegawai kanan dan pegawai pendakwa SPRM. Pemahaman yang jitu terhadap undang-undang keterangan ini dapat memastikan keberhasilan kertas siasatan yang bermutu tinggi. Ini dapat membantu pihak pendakwaan meningkatkan kadar sabitan kes di Mahkamah.



## ISU PELUCUTHAKKAN HARTA : MEMACU PEMANTAPAN

Pelucuthakkan harta dan undang-undang prosedural berkaitan dengannya adalah merupakan salah satu kaedah punitif berkesan dalam pencegahan rasuah yang diperuntukan dalam Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009. MACA telah menganjurkan Bengkel Forfeiture Of Property pada 15 - 16 Mei 2012. Peserta-peserta yang terdiri dari pegawai SPRM telah dapat meningkatkan pengetahuan, pemahaman dan kemahiran mengenai konsep peruntukan undang-undang pelucuthakkan di bawah ASPRM 2009, kaedah serta tatacara perundangan bagi pelucuthakkan harta kes-kes rasuah dan penyalahgunaan kuasa, isu-isu, cabaran dan perkembangan terkini pemakaian undang-undang pelucuthakkan harta.








## SEKOLAH PENCEGAHAN RASUAH DAN PENGURUSAN

*Sekolah Pencegahan Rasuah dan Pengurusan bertanggungjawab menganjurkan program latihan berkaitan pencegahan rasuah dan pengurusan. Selain itu ia juga turut mengendalikan program kerjasama bersama institusi latihan awam, agensi dari dalam dan luar negara.*



## SEKOLAH PENCEGAHAN RASUAH DAN PENGURUSAN

MACA menyedari bahawa selain daripada kemahiran dan pengalaman bekerja, kelayakan akademik secara formal masih menjadi keutamaan dan diiktiraf oleh kebanyakan masyarakat dan organisasi. Menyedari hakikat tersebut, MACA komited dalam usaha meningkatkan tahap kelayakan akademik pegawai-pegawai SPRM. Bagi mencapai hasrat tersebut, MACA melalui SPRP menganjurkan Program Sarjana Sains Sosial (Pengajian Rasuah) secara usahasama dengan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) bermula dari tahun 2008 sehingga 31 Disember 2012. Usahasama ini telah melahirkan graduan seramai 15 orang pegawai SPRM dan 13 orang pegawai daripada pelbagai Agensi Penguatkuasaan di Malaysia.

Program ini merupakan program profesional bagi melatih dan melahirkan pegawai SPRM yang berilmu dan berwibawa. Pegawai-pegawai ini akan dapat mengadunkan teori dan praktikal dalam menghadapi tugas-tugas SPRM membentras dan mencegah rasuah masa kini.

Program ini diwujudkan sebagai memenuhi permintaan SPRM untuk memberi latihan dan ilmu pengetahuan kepada pegawai-pegawai SPRM, bagi mempertingkatkan profesionalisme dalam melaksanakan tugas mereka di dalam menghadapi perlakuan jenayah rasuah yang semakin sophisticated kesan daripada globalisasi.

Projek Penanda Arasan merupakan salah satu kursus wajib di bawah Program Sarjana Sains Sosial (Pengajian Rasuah) UKM-SPRM di mana projek ini merupakan lawatan sambil belajar peserta program ke sesebuah negara yang dikenalpasti mempunyai tahap Corruption Perception Index (CPI) terendah di kalangan 10 buah negara mengikut indeks CPI terkini.

Negara akan dipilih adalah di kalangan sepuluh buah negara yang berada di tangga teratas CPI. Berdasarkan CPI 2011 antara negara-negara tersebut ialah Australia. Objektif program ini diadakan supaya diakhiri kursus para pelajar akan dapat:

- i. Memahami, mendapatkan idea, mempelajari daripada negara-negara yang mempunyai imej yang bersih berkaitan rasuah dan kedudukan integriti yang tinggi;
- ii. mengkaji dan menilai amalan terbaik (best practices) dan berguna yang terdapat di negara berkenaan dan yang mungkin boleh digunakan di negara sendiri;
- iii. membina jaringan hubungan yang bermakna lagi berfaedah untuk tujuan kerjasama masa mendatang;
- iv. mengunjungi beberapa buah organisasi dan agensi yang relevant semasa lawatan; dan
- v. pelajar dijangka menghasilkan laporan sepanjang 10,000 patah perkataan.



Peserta program dikehendaki menyediakan pelaporan yang mereka pelajari sepanjang lawatan tersebut untuk disyorkan kepada SPRM bagi meningkatkan tahap kecekapan dan mempertingkatkan kaedah-kaedah yang berkesan dalam pencegahan rasuah di Malaysia dengan mengesyorkan kepada pihak Pengurusan Tertinggi SPRM.

Pada 19 Mei hingga 27 Mei 2012, Projek Penanda Arasan telah diadakan di enam agensi penguatkuasa di New South Wales, Australia sepanjang peserta program berada di Canberra dan Sydney iaitu Australian Federal Police, Australian Commission For Law Enforcement Integrity, St James Ethics Center, The Inspector of the ICAC, Audit Office of New South Wales dan Road and Maritime Services NSW. Sebagai usaha menambah bilangan pegawai-pegawai SPRM yang berkelayakan Sarjana, MACA telah menghantar seramai 5 orang Pegawai SPRM mengikuti Program Sarjana Sains Pengurusan Ekonomi Jenayah di HELP University College bermula 14 Mei 2012 .

Pihak HELP Universiti Kolej menyediakan biasiswa kepada lima pegawai SPRM setiap tahun untuk mengikuti program akademik di HELP Universiti Kolej, Pusat Damansara, Kuala Lumpur. Program Sarjana Sains dalam Pengurusan Jenayah Ekonomi merupakan program pasca siswazah khusus dalam pengurusan jenayah ekonomi yang ditawarkan oleh program ini adalah program terulung di Asia.

Program ini dijalankan secara modular, dengan setiap modul mengambil masa enam minggu sahaja. Di dalam program ini, terdapat 12 modul yang wajib diambil oleh pelajar sebelum dianugerahkan Ijazah. Semua kuliah dan ujian akan diadakan di Wisma HELP di Jalan Dungun. Tempoh kursus adalah sekitar 18 bulan.

SPRP juga pada tahun 2012 giat berusaha bagi merialisasikan usaha-usaha antara SPRM dan Universiti Utara Malaysia (UUM) dalam menganjurkan Program Sarjana Sains Pengurusan (Pencegahan Rasuah dan Fraud). Sehingga 31 Disember 2012, MOA bagi usahasama ini telah dirangka dan dalam proses penambahbaikan bagi persetujuan kedua-dua pihak. Dijangka seramai 15 orang pegawai SPRM dan pegawai-pegawai Agensi Penguatkuasaan yang lain akan mengikuti program ini.

## MACA MENDUKUNG USAHA MENGUKUHKAN PENGURUSAN HASIL BUMI

MACA melalui SPRP terlibat dalam usaha untuk meningkatkan integriti jabatan-jabatan dan pihak berkuasa tempatan yang terlibat dalam proses pengeluaran hasil pembalakan dan pasir negara. Mengambil saranan daripada keputusan Messuarat Jawatankuasa Tadbir Urus (JKTU) Kebangsaan, MACA melalui SPRP menganjurkan dua bengkel yang bermatlamat untuk meningkatkan kawalan dan memperkuuhkan integriti dalam pengurusan pembalakan haram dan perlombongan pasir bertujuan untuk meningkatkan hasil negara daripada kedua-dua aktiviti ini.

Bengkel Pemantapan Sistem Prosedur Dalam Pengurusan Hasil Hutan [Kes Pembalakan Haram] telah diadakan pada 3-6 Disember 2012 yang memfokuskan kepada Agensi Pengawal Tempatan yang terlibat secara langsung di dalam pengurusan hasil hutan Negara dan mendapat penyertaan daripada 21 orang pegawai Bahagian dan Jabatan Hutan Negeri-negeri. Objektif utama program ini diadakan adalah seperti berikut :

- i. Memantapkan sistem prosedur jabatan kerajaan yang terlibat didalam pemantauan pengurusan hasil hutan khususnya bagi kes-kes pembalakan haram ;
- ii. Mendedahkan dan berkongsi bersama pengalaman SPRM mengenai kes-kes Siasatan, modus operandi, sindiket dan juga pembentangan hasil kajian kes dan kawalan sistem yang telah dilaksanakan oleh SPRM;
- iii. Membuat kajian kes-kes pembalakan haram yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Perhutanan bagi tujuan perbincangan dan pembentangan.



Bengkel Pemantapan Sistem Prosedur Dalam Pengurusan Hasil Bumi [Kes Kecurian Pasir] pula telah diadakan pada 10-13 Julai 2012. Objektif penganjuran program ini ialah :-

- i. Memantapkan sistem Prosedur Jabatan Kerajaan yang terlibat di dalam pemantauan pengurusan hasil bumi khususnya bagi kes-kes kecurian pasir;
- ii. Mendedahkan dan berkongsi bersama pengalaman SPRM mengenai kes-kes siasatan, modus operandi sindiket dan juga pembentangan hasil kajian kes dan kawalan sistem yang telah dilaksanakan oleh SPRM;
- iii. Memahami dasar dan polisi yang ditetapkan dan pelaksanaan ‘team taskforce’ oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar berkaitan kes kecurian pasir.

Kedua-dua bengkel tersebut dilaksanakan bagi membantu serta meningkatkan tahap kecekapan Agensi Penguatkuasaan Tempatan yang terlibat di dalam menangani isu-isu yang berbangkit berkaitan hasil negara justeru dapat mengenalpasti punca dan kelemahan yang terdapat dalam amalan dan prosedur yang digunakan. Impak penganjuran bengkel ini juga mendapat sambutan yang baik dikalangan Agensi Penguatkuasaan Tempatan yang telah hadir dengan jayanya di dalam kedua-dua program tersebut yang bertujuan memperkasakan lagi nilai integriti di dalam melaksanakan sesuatu tugas dan amanah.

### **MACA MENJADI PLATFORM UNTUK SPRM MELAKSANAKAN PROGRAM TRANSFORMASI SPRM MELALUI LATIHAN**

Pada tahun 2012, fasapelaksanaan Transformasi SPRM telah dijalankan. Antara programnya ialah Pengenalan kepada Outcome Based Budgeting untuk SPRM. Salah satu inisiatif bagi merealisasikan agenda Transformasi SPRM ialah pelaksanaan OBB yang memberikan penekanan kepada impak dan keberkesanan program berbanding mementingkan perbelanjaan dan output. Sehubungan dengan itu MACA telah mengadakan Kursus Outcome Based Budgeting pada 28 hingga 29 November 2012. Antara objektif program ini adalah seperti berikut :

- i. Memberikan kefahaman dan pengetahuan mengenai program OBB;
- ii. Memberi lebih kuasa kepada Pegawai Pengawal untuk menguruskan sumber-sumber di bawah kawalan mereka;
- iii. Meningkatkan akauntabiliti di semua peringkat melalui pemantapan kerangka tadbir urus ; dan
- iv. Menekankan perbelanjaan yang memberikan ‘value for money’.

## BAHAGIAN PENGURUSAN



*Bahagian Pengurusan MACA bertanggungjawab menguruskan hal ehwal pentadbiran MACA dan kewangan khususnya dalam memastikan penyediaan infrastruktur terbaik.*



## BAHAGIAN PENGURUSAN

Bahagian Pengurusan adalah entiti sokongan dan pemudah dalam memastikan MACA berjaya mencapai sasaran untuk menjadi sebuah institusi latihan terkemuka dengan menyediakan rangka kerja utama, infrastruktur dan perkhidmatan dalam bidang- bidang berikut :-



### UNIT PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

Unit Pentadbiran, Kewangan Dan Sumber Manusia terdiri daripada 3 unit yang saling melengkapi. Unit pentadbiran menguruskan pentadbiran pejabat awam dan penyelenggaraan bangunan termasuk kemudahan-kemudahan di MACA. Unit Kewangan bertanggungjawab dalam menguruskan sumber kewangan MACA termasuk merancang dan melaksanakan dasar kewangan serta prosedur pengurusan dana serta peruntukan sumber secara berkesan.

Sebagai contoh unit pentadbiran dan kewangan telah menunjukkan prestasi yang cemerlang dalam pengurusan asrama bagi tahun 2012 dimana bertanggungjawab secara langsung menyelia kemudahan penginapan kepada peserta kursus di MACA

MACA juga telah menaiktaraf kemudahan sedia ada dari semasa ke semasa dengan menyediakan pelbagai kemudahan infrastruktur untuk keselesaan peserta kursus. Ini termasuklah dengan pembinaan laluan susur gajah yang merupakan antara kemudahan terbaru disediakan bagi kegunaan peserta kursus berulang alik daripada bilik kuliah ke penginapan serta dewan makan. Dengan adanya kemudahan ini, peserta akan menikmati satu lagi kemudahan yang dijanjikan oleh MACA bagi keselesaan peserta kursus.



### UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT

Unit ini menyediakan perkhidmatan yang meliputi perancangan dan pengurusan projek untuk memastikan penyediaan dan sokongan aplikasi yang selamat, boleh kebergantungan dan kukuh, e-perkhidmatan dan infrastruktur kepada pengguna MACA. Unit ini juga bertanggungjawab dalam merancang dan melaksanakan penyelesaian ICT selaras dengan inisiatif Elektronik Kerajaan kepada pengguna MACA.

Unit ini juga terlibat secara langsung dalam pelancaran portal rasmi MACA pada 27 Mac 2012. Portal MACA ini merupakan rujukan kepada warga kerja SPRM, pihak-pihak kerajaan, syarikat-syarikat swasta dan juga orang awam dalam mengenali serta memahami peranan MACA dalam pencegahan rasuah. Kewujudan portal rasmi MACA merupakan antara kriteria untuk mencapai salah satu daripada 'MACA Key Result Area' (MKRA) iaitu meningkatkan imej MACA sebagai 'Centre of Excellence'.

### UNIT PERPUSTAKAAN

Unit ini menyediakan perkhidmatan perpustakaan sebagai perkhidmatan sokongan untuk program penyelidikan, pendidikan dan latihan yang diadakan di MACA. Perpustakaan memiliki koleksi buku-buku, cetakan, dokumen lain dan simpanan berbagai bahan cetak. Perpustakaan boleh diakses dengan menjadi pengguna berdaftar dan dibuka kepada umum, kakitangan SPRM dan agensi kerajaan. Perpustakaan MACA mengambil inisiatif menganjurkan pelbagai program pendidikan seperti pertandingan ulat buku untuk mendidik minat dan budaya membaca di kalangan pegawai dan kakitangan SPRM.



## UNIT KESELAMATAN

Unit ini bertanggungjawab memastikan faktor keselamatan dikuatkuasakan di MACA meliputi kemudahan infrastruktur dan pengunjung MACA. Pemantau berkala turut dijalankan bagi memastikan tiada berlakunya pencerobohan di samping melatih dari semasa ke semasa pematuhan dasar keselamatan dijalankan. Satu inisiatif telah diambil antaranya menjalinkan satu kerjasama strategik bersama Ikatan Relawan Malaysia (RELA) dengan usaha menempatkan beberapa anggota RELA bagi membantu memperkemaskan kawalan keselamatan di MACA. Unit keselamatan juga terlibat secara langsung dalam kawalan keselamatan CCTV yang kini telah dipasang sepenuhnya di MACA susulan arahan keselamatan yang dikeluarkan oleh SPRM.



## PEMBANGUNAN MACA FASA II




Pembangunan MACA Fasa II ini adalah salah satu inisiatif besar dalam usaha mewujudkan kemudahan penginapan di MACA. Kemudahan penginapan yang disediakan mengambil kira elemen-elemen moden dan korporat untuk penginapan yang kondusif.

Kompleks MACA Fasa II secara rasminya diserahkan kepada Akademi Pencegahan Rasuaht Malaysia dalam satu majlis penyerahan pada tanggal 11 November 2011 oleh Tuan Haji Yyuri Bin Muji, Pengarah 1, Cawangan Kerja Bangunan Am, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya Kuala Lumpur kepada YBhg. Dato' Haji Zakaria Bin Haji Jaffar, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pengurusan dan Profesionalisme) Suruhanjaya Pencegahan Rasuaht Malaysia (SPRM).

Sebanyak 140 bilik penginapan yang terdiri daripada beberapa kategori bilik disediakan bagi kegunaan peserta. Terdapat 20 bilik penginapan suite, 20 bilik dorm, 40 bilik superior twin dan 60 bilik deluxe yang boleh menampung 240 orang peserta pada satu-satu masa. Dewan makan yang berada di kompleks penginapan ini juga berkemampuan menampung 300 peserta kursus dalam satu-satu masa.

## KEMUDAHAN SUKAN DI MACA

Akademi ini juga dilengkapi dengan kemudahan asas untuk bersukan seperti gelanggang sukan dan gimnasium. Pada 13 Julai 2013, Y.Bhg. Tan Sri Haji Abu Kassim Bin Mohamed, Ketua Pesuruhjaya SPRM telah merasmikan gelanggang sukan di MACA. Aktiviti- aktiviti yang boleh dijalankan adalah seperti permainan futsal, badminton, bola tampar, bola jaring dan sebagainya. Selain itu, gelanggang sukan ini juga digunakan bagi menjalankan aktiviti riadah dan sukan tahunan MACA.



## MACA WILAYAH TIMUR



PUSAT KECEMERLANGAN KEPIMPINAN

SEKOLAH PENYIASATAN

SEKOLAH PERISIKAN

SEKOLAH PERUNDANGAN  
DAN PENDAKWAAN

SEKOLAH PENCEGAHAN  
• RASUAH DAN PENGURUSAN

BARAGIAN PENGURUSAN

MACA WILAYAH TIMUR

MACA Wilayah Timur bertanggungjawab mengelola program latihan di wilayah timur berdasarkan perancangan program latihan tahunan MACA. Ia juga turut mengadakan program kerjasama dengan agensi tempatan sebagai sebahagian program kerjasama dalam memerangi rasuah.



## MACA WILAYAH TIMUR

Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) mengorak langkah apabila menubuhkan MACA Wilayah Timur, Kelantan yang turut memainkan peranan sebagai sebuah pusat latihan pencegahan rasuah di Malaysia. Selain daripada melatih pegawai SPRM, MACA Wilayah Timur turut mengadakan program kerjasama dengan agensi tempatan sebagai sebahagian program kerjasama dalam memerangi rasuah. Bangunan operasi MACA Wilayah Timur telah diserahkan kepada MACA secara rasmi oleh SPRM Kelantan pada 8 Januari 2012 dalam satu majlis penyerahan yang dihadiri oleh Tuan Hj Nor Rasmi bin Shari, Pengarah SPRM Negeri Kelantan dan YBhg. Dato' Abdul Wahab bin Abdul Aziz, Pengarah MACA. Penyerahan ini telah disaksikan oleh YBhg. Dato Hj Zakaria bin Hj Jaffar, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pengurusan dan Profesionalisme) SPRM. Dilengkapi dengan kemudahan 1 dewan kuliah, bilik komputer, dewan makan, bilik mesyuarat dan pejabat pentadbiran, MACA Wilayah Timur menjadi pilihan untuk penganjuran kursus di luar daripada Kuala Lumpur.



**MACA WILAYAH TIMUR**

### MAJLIS PENYERAHAN MEMORANDUM PERSEFAHAMAN MACA WILAYAH TIMUR

Satu majlis penyerahan memorandum Persefahaman telah berlangsung di kompleks Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia Negeri Kelantan di antara SPRM Kelantan dengan Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) pada 8 Januari 2012. Sempena penyerahan Blok B kompleks SPRM Kelantan kepada Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia. Perasmian Memorandum Persefahaman ini telah ditandatangani oleh KPKPj Nor Rasmi bin Shari selaku pengarah SPRM Kelantan dengan TPj Dato' Abdul Wahab bin Abdul Aziz selaku pengarah Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia bertarikh 8 Januari 2012. Ia juga turut disaksikan oleh Dato Haji Zakaria bin Haji Jaffar Timbalan Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia. MACA Wilayah Timur mula beroperasi pada 1 Februari 2012.

## MACA TIMUR BERSAMA WARGA PENDIDIKAN

SMK Maktab Sultan Ismail Kota Bharu, Kelantan telah mengadakan satu sesi lawatan ke MACA Wilayah Timur pada 1 Oktober 2012 di mana disertai oleh 40 orang pelajar serta 5 orang guru pengiring. Peserta dibawa melawat bangunan MACA Wilayah Timur dan diberi taklimat bagi memperkenalkan MACA Wilayah Timur kepada pelajar serta guru pengiring yang hadir. Selain itu juga, para pelajar diperjelaskan berkenaan fungsi penubuhan Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia serta fasiliti-fasiliti yang disediakan di MACA Wilayah Timur. Melalui lawatan yang diadakan seperti ini, MACA akan lebih dikenali oleh masyarakat luar wujudnya MACA Wilayah Timur ini khususnya bagi masyarakat di Kelantan.




## INISIATIF PENCEGAHAN RASUAH KEPADA WARGA PERUBATAN

Ceramah yang bertajuk "Rasuah di kalangan kakitangan kerajaan" telah diadakan di Dewan Kuliah Pusat Pengajian Sains Pergigian, Hospital Universiti Sains Kubang Kerian, Kota Bharu pada 11 Disember 2012. Seramai 50 orang kakitangan daripada PPSG telah hadir bagi mendengar sesi ceramah yang telah disampaikan. Beberapa aspek telah disentuh dalam ceramah ini iaitu melibatkan akta rasuah, kesalahan-kesalahan berkaitan dengan rasuah dan hukuman-hukuman yang dikenakan bagi kesalahan rasuah mengikut seksyen kesalahan rasuah. Berdasarkan aspek-aspek yang disentuh dalam ceramah ini ianya dapat mendidik kakitangan kerajaan mengetahui apa itu rasuah, risiko jenayah rasuah, hukuman yang bakal menanti bagi pesalah-pesalah rasuah yang didapati melakukan jenayah rasuah ini.

## KUNJUNGAN OLEH AGENSI DALAM DAN LUAR NEGARA






Sepanjang tahun 2012, pelbagai agensi dalam negara serta antarabangsa telah berkunjung ke MACA. Berikut adalah detik-detik bersejarah yang telah dirakam sewaktu lawatan-lawatan diadakan.

### Lawatan delegasi antarabangsa ke MACA



Lawatan Kerja Delegasi Nigeria ke MACA



Lawatan Kerja Delegasi Guangxi Provincial Prosecutor's China



Lawatan Kerja Delegasi Jepun ke MACA




Lawatan Kerja AMCHAM & ECCAM



### Lawatan Kerja Delegasi Iran



### Lawatan Kerja Delegasi New York Police Department (NYPD)



Lawatan Kerja Delegasi Iraq

#### Lawatan delegasi dalam negara ke MACA



Lawatan Kerja Delegasi Jabatan Pendaftaran Negara (JPM)



Lawatan Kerja Pegawai dan Kakitangan Jabatan KASTAM Diraja Malaysia




**ANALISIS PENCAPAIAN TAHUN 2012**

## ANALISIS PENCAPAIAN TAHUN 2012


Tahun 2012 telah dilalui dengan penuh kematangan oleh para warga MACA dalam memastikan cabaran dan kekangan dalam dunia latihan dapat diharungi dengan penuh profesional dan dedikasi.

Sebanyak 165 program telah dikendalikan oleh MACA pada tahun 2012. Ini menunjukkan komitmen yang padu oleh MACA dalam arena latihan. Carta berikut menunjukkan statistik pelaksanaan program latihan oleh MACA sejak tahun 2006 sehingga tahun 2012.



Carta : Menunjukkan statistik program latihan sejak tahun 2006 hingga 2012

Sambutan dari pelbagai agensi dalam dan luar negara serta warga MACA untuk mengikuti program-program latihan anjuran MACA telah memberi semangat kepada MACA dalam menawarkan program latihan yang sentiasa relevan dan berkualiti dengan keperluan latihan pelanggan. Rekod telah dicatatkan di mana seramai 5387 peserta telah menghadiri program latihan di MACA sepanjang tempoh 12 bulan dalam tahun 2012. Carta berikut menunjukkan statistik penyertaan.




Carta : Menunjukkan statistik peserta latihan sejak tahun 2006 hingga 2012

## KOMITMEN MACA DI PERINGKAT NASIONAL


Pada tahun 2012, sebanyak 21 program telah direka khas oleh MACA untuk agensi dalam negara antaranya Tenaga Nasional Berhad (TNB), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Jabatan Insolvensi Malaysia, Kementerian Sumber Manusia (KSM) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) yang catatan penyertaan seramai 932 orang peserta. Bidang latihan yang dipelajari meliputi pelbagai aspek pembelajaran seperti siasatan, perisikan, pencegahan rasuah, integriti, tadbir urus dan lain-lain selaras dengan keperluan latihan yang telah dikenal pasti. Dalam tempoh tiga (3) tahun iaitu dari 2010 hingga 2012, seramai 1370 peserta dari sektor kerajaan dan korporat telah mengikuti program anjuran MACA iaitu masing-masing 222 orang pada tahun 2010 dan 216 orang pada tahun 2011. Carta berikut menunjukkan statistik program latihan mulai tahun 2010 hingga 2012 khusus untuk agensi dalam negara.

### Jumlah Peserta Bagi Agensi Luar Dalam Negara



Carta : Menunjukkan statistik peserta program latihan sejak tahun 2010 hingga

### Jumlah Program Untuk Agensi Luar Dalam Negara




Carta : Menunjukkan statistik program latihan yang telah dijalankan sejak tahun 2010 hingga 2012


## KOMITMEN MACA DI PERSADA ANTARABANGSA

Mulai tahun 2008 hingga 2012, MACA telah didatangi oleh pelbagai pegawai dari agensi dan badan antarabangsa dari seluruh pelusuk dunia dengan tujuan untuk meneroka ilmu pengetahuan dan menimba pengalaman yang berguna dalam bidang pencegahan rasuah. MACA telah memainkan peranan sebagai pemain bertaraf global dalam bidang pencegahan dan pembanterasan rasuah melalui bidang latihan yang dilihat berupaya dan mampu membangunkan keupayaan dan kapasiti individu secara holistik. Seramai 1538 orang peserta telah mengikut program latihan anjuran Pusat Pengajian Antarabangsa, MACA yang mensasarkan target kepada peserta antarabangsa dari seluruh dunia dari 51 program latihan telah dianjurkan dengan kolaborasi pelbagai agensi dalam negara dan antarabangsa. Carta-carta berikut menunjukkan jumlah peserta dan bilangan program latihan mulai tahun 2006 hingga 2012.

### Jumlah Peserta Bagi Program Antarabangsa




Carta : Menunjukkan statistik peserta program latihan antarabangsa sejak tahun 2010 hingga 2012



Carta : Menunjukkan statistik program latihan antarabangsa sejak tahun 2006 hingga 2012

Hasil analisis yang diperolehi dijadikan penanda aras dalam setiap pelan tindakan yang diambil agar kualiti pembangunan latihan oleh MACA sentiasa di tahap standard serta bertaraf global. Setiap pandangan dan komen dari para peserta sentiasa diambil perhatian oleh MACA dalam memastikan setiap modul latihan serta fasiliti latihan yang ditawarkan menetapi keperluan para peserta program latihan. MACA sentiasa peka dengan perkembangan semasa dan setiap lontaran idea yang diberi merupakan pemangkin kepada penyampaian latihan yang lebih berkualiti dan efektif. Sumber data analisis adalah daripada Pusat Perancangan, Penyelidikan dan Korporat ( PRCC ) MACA.



- PUSAT PENGAJIAN ANTARABANGSA
- PUSAT LATIHAN ASAS
- PUSAT PEMBANGUNAN INTEGRITI KORPORAT
- PUSAT PERANCANGAN  
PENYELIDIKAN DAN KORPORAT
- PUSAT KECEMERLANGAN KEPIMPINAN
- SEKOLAH PENYIASATAN
- SEKOLAH PERISIKAN
- SEKOLAH PERUNDANGAN  
DAN PENDAKWAAN
- SEKOLAH PENCEGAHAN  
• RASUAH DAN PENGURUSAN
- BAHAGIAN PENGURUSAN
- MACA WILAYAH TIMUR

LAMPIRAN

## SENARAI KURSUS YANG TELAH DILAKSANAKAN PADA TAHUN 2012

Bil	Nama Kursus	Tarikh Kursus Diadakan
1	Kursus Forensik Komputer [First Responder] Siri 1/20121	4-15 Feb 12
2	Kursus Peranan Pegawai Penyiasat Yang Efektif Siri 1/20126	-9 Mac 12
3	Kursus Finance For Non Finance Investigation Officer Siri 1/20121	3-15 Mac 12
4	Kursus Merakam Percakapan Dengan Penggunaan Bilik Bervideo [VIR] - Zon Tengah	20-22 Mac 12
5	Kursus Peranan Pegawai Penyiasat Yang Efektif Siri 2/20123	-6 Apr 12
6	Kursus Lanjutan Pemeriksaan Forensik Digital Komputer	16-20 Apr 12
7	Kursus Merakam Percakapan Dengan Penggunaan Bilik Bervideo [ VIR] ( ZON UTARA ) di SPRM Kedah	16-17 Apr 12
8	Kursus Pengurusan Siasatan Yang Berkesan @ Effective Investigation Management [EIM]- SPRM 2012	16-17 Apr 12
9	Kursus Merakam Percakapan Dengan Penggunaan Bilik Bervideo [ VIR] ( Zon Utara ) di SPRM Perlis	18-19 Apr 12
10	Kursus Merakam Percakapan Dengan Penggunaan Bilik Bervideo [ VIR] ( Zon Tengah ) di SPRM Selangor	23-24 Apr 12
11	Kursus Merakam Percakapan Dengan Penggunaan Bilik Bervideo [ VIR] ( Zon Tengah ) di SPRM WPKL	25-26 Apr 12
12	Kursus Penyiasatan Untuk Pegawai-Pegawai Telekom Malaysia [TM] Tahun 2012	24-26 Apr 12
13	Kursus TOT Penyiasatan Untuk Pegawai-Pegawai Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia [KPT]	8-10 Mei 12
14	Kursus Forensik Komputer [First Responder] Siri 2/20128	-10 Mei 12
15	Kursus Pengurusan Siasatan Yang Berkesan @ Effective Investigation Management [EIM]- SPRM 2012 di SPRM Pulau Pinang	9-11 Mei 12
16	Kursus Merakam Percakapan Dengan Penggunaan Bilik Bervideo [ VIR] ( Zon Selatan ) di SPRM Melaka	14-15 Mei 12
17	Kursus Merakam Percakapan Dengan Penggunaan Bilik Bervideo [ VIR] ( Zon Selatan ) di SPRM N. Sembilan	16-17 Mei 12
18	Kursus Pengurusan Siasatan Yang Berkesan @ Effective Investigation Management [EIM]- SPRM 2012 di SPRM Kedah	29-31 Mei 12
19	Kursus Penyiasatan Untuk Pegawai-Pegawai TNB 2	2-24 Mei 12
20	Kursus <i>The Reid Technique of Interviewing and Interrogation</i>	28-31 Mei 12
21	Bengkel Penyiasatan Kewangan5	-7 Jun 12
22	Kursus Merakam Percakapan Dengan Penggunaan Bilik Bervideo [ VIR] [Zon Timur] di SPRM Kelantan	4-5 Jun 12
23	Kursus <i>Investigation Interviewing Technique [PEACE MODEL]</i>	6-7 Jun 12
24	Kursus Merakam Percakapan Dengan Penggunaan Bilik Bervideo [ VIR] [Zon Timur] di SPRM Pahang	7-8 Jun 12
25	Kursus Psikologi Dalam Fisiologi Penipuan dan Kelakuan Emosi Dalam Penyiasatan Kriminal - Siri 1/2012	11-13 Jun 12
26	Kursus Merakam Percakapan Dengan Penggunaan Bilik Bervideo [ VIR] [Zon Utara] di SPRM Pulau Pinang	20-21 Jun 12
27	Kursus Pengurusan Siasatan Yang Berkesan @ Effective Investigation Management [EIM] Bagi Zon Utara di SPRM Perak	19-21 Jun 12
28	Kursus Merakam Percakapan Dengan Penggunaan Bilik Bervideo [ VIR] [Zon Selatan] di SPRM Johor	25-26 Jun 12
29	Financial Investigation Accreditations Program [FIAP]; AMLATFA INVESTIGATIONS, PROCESS & PROCEDURES sesi 2012	18-22 Jun 12
30	Kursus Penyiasatan Untuk Pegawai-Pegawai Telekom Malaysia [TM] Siri 2	26-28 Jun 12

31	Kursus Pengurusan Siasatan Yang Berkesan @ Effective Investigation Management [EIM] di SPRM Sarawak	10-12 Julai 12
32	Kursus Merakam Percakapan Dengan Penggunaan Bilik Bervideo [ VIR] di SPRM Sabah	11-12 Julai 12
33	Kursus Merakam Percakapan Dengan Penggunaan Bilik Bervideo [ VIR] di SPRM Terengganu	17-18 Julai 12
34	Kursus Pengurusan Siasatan Yang Berkesan @ Effective Investigation Management [EIM] di SPRM Sabah	31 Jul-2 Ogos 12
35	Kursus Pengurusan Siasatan Yang Berkesan @ Effective Investigation Management [EIM] di SPRM Pahang	8-10 Ogos 12
36	Kursus Finance For Non Finance Investigation Officer Siri 2/20121	1-13 Sept 12
37	Kursus Merakam Percakapan Dengan Penggunaan Bilik Bervideo [ VIR] [Zon Utara] di SPRM Cawangan Taiping, Perak	13-14 Sept 12
38	Kursus "FBI Investigative Interviewing"	24-28 Sept 12
39	Kursus Pengurusan Siasatan Yang Berkesan @ Effective Investigation Management [EIM] di SPRM Negeri Sembilan	25-27 Sept 12
40	Kursus Penyiasatan Untuk Pegawai-Pegawai dari Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia [KSM]	1-5 Okt 12
41	Kursus Pengurusan Siasatan Yang Berkesan @ Effective Investigation Management [EIM] di SPRM Kelantan	9-11 Okt 12
42	Kursus Kejuruteraan Forensik [SPRM & IKRAM]1	6-19 Okt 12
43	Kursus Teknik Menemuduga/Memeriksa Saksi/Suspek @ Investigation Interviewing Technique (Peace Model) Siri 2	5-6 Nov 12
44	Kursus Teknik Menemuduga/Memeriksa Saksi/Suspek @ Investigation Interviewing Technique (Peace Model) Siri 3	7-8 Nov 12
45	Kursus Introduction To Private Sector Investigation [PSI]2	0-22 Nov 12
46	Kursus Pengurusan Siasatan Yang Berkesan @ Effective Investigation Management [EIM] di SPRM Melaka	21-23 Nov 12
47	Kursus Forensic Analytics – METHOD AND TECHNIQUES FOR FORENSIC ACCOUNTING INVESTIGATIONS	3-4 Dis 12
48	Kursus Asas Penyiasatan Dan Perisikan Untuk Pegawai-Pegawai Dari Agensi/Jabatan/Swasta/Tempatan	10-14 Dis 12
49	Kursus Merakam Percakapan Dengan Penggunaan Bilik Bervideo [ VIR] di SPRM Cawangan Miri Sarawak	17-18 Dis 12
50	Kursus Pengendalian Sumber, Profiling Individu dan Organisasi1	3-17 Feb 12
51	Kursus Defensive Driving for Surveillance	27 Feb-3 Mac 12
52	Kursus Pengurusan Maklumat dan Risikan Berkesan1	2-15 Mac 12
53	Kursus Perlaksanaan Projek Perisikan Pendekatan Secara Undercover	23-26 Apr 12
54	Kursus Fotografi Perisikan	6-10 Mei 12
55	Kursus Analisis i2 Notebook Versi 85	-7 Jun 12
56	Kursus Pengendalian Intipan Berkesan Siri 1/2012	25-28 Jun 12
57	Bengkel Pengendalian Audio dan Visual2	-6 Julai 12
58	Kursus Asas Perisikan Pegawai LHDN	9-13 Julai 12
59	Kursus Perisikan Pegawai Pos Malaysia1	6-18 Julai 12
60	Kursus Pengendalian Intipan Berkesan Siri 2/2012	10-14 Sept 12

61	Kursus Pembentukan Pegawai Undercover	5-9 Nov 12
62	Kursus Perisikan Pegawai SPRM Gred P321	9-23 Nov 12
63	Kursus Pindaan KAJ	11-Feb-12
64	Kursus Asas Pendakwaan2	-10 Apr 12
65	Kursus Akta Keterangan 19502	4-25 Apr 12
66	Bengkel Forfeiture of Property1	5-16 Mei 12
67	Kursus Pengenalan kepada Prescribed laws & Offences	12-14 Jun 12
68	Bengkel Aplikasi Anti-Money Laundering Act & Anti-Terrorism Financial Act 2001 [AMLATFA]	19-20 Jun 12
69	Kursus Akta Perlindungan Saksi 2009 & Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [Di MACA Wilayah Timur]	3-5 Julai 12
70	Kursus Pengenalan Kepada Mutual Assistance In Criminal Matter Act [MACMA] 2002	10-11 Julai 12
71	Kursus Penggunaan Keterangan Rakan Sejenayah & Ejen Provokator1	7-19 Julai 12
72	Kursus Teknik Memberi Keterangan Berkesan Di Mahkamah1	1-13 Sept 12
73	Kursus Art Of Advocacy	12-13 Okt 12
74	Kursus Pemahaman Undang-Undang & Hubungkait Dengan Akta Keterangan & Kanun Acara Jenayah	6-7 Nov 12
75	Kursus Bahasa Inggeris [Effective Communication Skills]	26 Jan-5 Jun 12 [72 jam]
76	Kursus Pengurusan Rekod Rahsia	8-10 Feb 12
77	Kursus Bahasa Inggeris [Corporate English Training]	13-17 Feb 12
78	Kursus Lanjutan Corruption Reporting Information System [C-RIS]	14-16 Feb 12
79	Kursus Pengurusan Fail dan Rekod	21-23 Feb 12
80	Bengkel Kumpulan Inovatif dan Kreatif	5-8 Mac 12
81	Kursus Sistem Pengurusan Akauntabiliti dan Integriti [SPA1] Siri 1/20121	2-14 Mac 12
82	Kursus Pengurusan Aduan Awam1	9-21 Mac 12
83	Kursus Better Spoken English [Part 1]2	0-22 Mac 12
84	Bengkel Sistem Pengurusan Aset [SPA] & Kursus Pengurusan Aset Alih Kerajaan	26-29 Mac 12
85	Kursus SPA1 JPJ Siri 1/20122	-4 Apr 12
86	Kursus Pemikiran Strategik	2-5 Apr 12
87	Kursus Microsoft Office - Excel Siri 1/20121	6-18 Apr 12
88	Kursus Ketrampilan & Peningkatan Profesionalisme Pemandu1	6-19 Apr 12
89	Kursus Microsoft Office - Power Point Siri 1/20122	3-25 Apr 12
90	Bengkel Pengendalian Buku Rekod Perkhidmatan	02-04 Mei 12
91	Kursus Effective Negotiation Skills1	5-17 Mei 12
92	Kursus Towering Personality	15-17 Mei 12
93	Kursus Better Spoken English [Part 2]2	2-25 Mei 12
94	Bengkel Pemantauan dan Pematuhan Star Rating	30 Mei-1 Jun 12
95	Bengkel Sistem Pengurusan Aset [SPA] & Kursus Pengurusan Aset Alih Kerajaan [Kumpulan 1]	14-17 Mei 12
96	Kursus Penyelenggaraan Komputer5	-7 Jun 12
97	Kursus Microsoft Office - Publisher1	1-13 Jun 12
98	Bengkel Sistem Pengurusan Aset [SPA] & Kursus Pengurusan Aset Alih Kerajaan [Kumpulan 2]	11-14 Jun 12
99	Kursus Penulisan Artikel Yang Berkesan Dan Kenyataan Media	12-14 Jun 12
100	Kursus Pengurusan Majlis	25-27 Jun 12



101	Kursus Pentauliahan Jurulatih Senjata SPRM	17-28 Jun 12
102	Kursus Lanjutan Corruption Reporting Information System [C-RIS] Pegawai Pengurusan Rekod	26-28 Jun 12
103	Kursus Pembentukan Karektor Siri III [Untuk Pegawai SPRM Gred P29]	3-5 Jul 12
104	Kursus Persediaan Bakal Pesara	17-19 Jul 12
105	Kursus Microsoft Office - Publisher 2007 Siri 2/2012	11-13 Sept 12
106	Kursus Microsoft Office - Excel Siri 2/2012	18-20 Sept 12
107	Bengkel Perhubungan Awam	18-20 Sept 12
108	Kursus Penulisan Akademik	19-21 Sept 12
109	Kursus Pembentukan Karektor Untuk Pegawai SPRM Gred P44	9-11 Okt 12
110	Bengkel Pemantapan Sistem Prosedur dan Pengurusan Hasil Bumi (Kes Kecurian Pasir)	16-18 Okt 12
111	Kursus Pentauliahan Jurulatih Senjata SPRM Siri 2	14-25 Okt 12
112	Kursus Microsoft Office - Power Point Siri 2/2012	30 Okt - 1 Nov 12
113	Kursus Persediaan Bakal Pesara SPRM	26-29 Nov 12
114	Kursus Pegawai Persenjataan	4-7 Nov 12
115	Bengkel Self Assessment Pengurusan Kewangan	4-6 Dis 12
116	Bengkel Pemantapan Sistem Prosedur dan Pengurusan Hasil Hutan (Kes Pembalakan Haram)	4-6 Dis 12
117	Training of Management and Prosecution of Anti-Corruption [EUPOL] Afghanistan	13-22 Feb 12
118	MACA Executive Talk 1: Developing of An Ethical Infrastructure Code Ethics	27-Mar-12
119	MACA Executive Talk 2: Emotional Intelligence at the Workplace	14-May-12
120	GIV / MACA: Anti-Corruption Training Programme For Officials Government Inspectorate of Vietnam	15-17 Mei 12
121	Speaking Out Loud	19-21 Jun 12
122	Joint MACA/OECD Technical Seminar: Promoting the Enforcement of Malaysia's Offence Against Bribery Foreign Public Officials	26-27 Jun 12
123	Joint MACA/OECD Regional Seminar [ASEAN Member States + China & India] Ensuring an Effective Legislative Framework for Combating the Bribery of Foreign Public Officials in International Business Transactions	27-28 Jun 12
124	One Day Seminar by Dr Robert Klitgaard : Innovations Around The World in The Fight of Corruption & Learning From Two Recent Success Stories in Fighting Corruption.	18-Jun-12
125	MACA Executive Talk 3: Successful Ethics/Compliance/Integrity Officers- Shell Experience	28-Jun-12
126	Corruption Prevention And Risk Management In Public Sector Organisations Workshop	3-7 Sept 12
127	Intelligence Based Investigation Workshop	10-14 Sept 12
128	Training Seminar For Asia Pacific For Governmental Experts and Focal Points of United National Against Corruption [UNCAC] Review Mechanism	10-13 Sept 12
129	Kursus Bahasa Inggeris [ Interpersonal Skills ]	18-20 Sept 12
130	Certiface IV - Upper Intermediate English Communication	24-28 Sept 12
131	Asset Recovery Workshop	1-3 Okt 12
132	Senior Executive Certificate Course For Strategic Management Of Anti-Corruption Programme	8-12 Okt 12
133	Kursus Bahasa Inggeris [Written English Communication Skill]	16-19 Okt 12
134	Kursus Bahasa Inggeris [Effective Communication Skills 2 <sup>nd</sup> Intake]	19-22 Nov 12
135	Training of Management and Prosecution of Anti-Corruption [EUPOL] Afghanistan	4-12 Dis 12

136	Kursus Kepimpinan [Command Course] Pegawai SPRM Penguasa Gred P42 Siri 1/2012	27 Feb-08 Mac 12
137	Kursus Pengenalan Kepada Organisasi Untuk Pegawai & Kakitangan Gunasama SPRM Siri 1/2012 [Zon Timur]	28-Feb-12
138	Kursus Kepimpinan [Command Course] Pegawai SPRM Gred P44 Siri 1/2012	26 Mac-6 Apr 12
139	Kursus Kepimpinan [Command Course] Pegawai SPRM Gred P44 Siri 2/2012	14-25 Mei 12
140	Kursus Pengenalan Kepada Organisasi Utk Peg & K/tangan Gunasama SPRM Siri 2/2012 [Zon Selatan]	30-31 Mei 12
141	Kursus Pengenalan Kepada Organisasi Utk Peg & K/tangan Gunasama SPRM Siri 3/2012 [Zon Tengah]	7-8 Jun 12
142	Leadership Skills Development Workshop Siri I	18-19 Julai 12
143	Kursus Asas Pembantu Keselamatan Gred KP17 [Kader] SPRM [Program Asas Keselamatan]	29 Okt-10 Nov 12 11 Nov 12-10 Jan 13 10 Jan 13-9 Feb 13
144	Program Pegawai Integriti Bertauliah [CeIO] Siri 1/2012	13-17 Feb 12 5-9 Mac 12 9-13 Apr 12 7-15 Mei 12
145	Enhanching Integrity Practise For TM Suppliers1	4-Feb-12
146	Program Latihan Ikrar Integriti Korporat [CIP] - Untuk Pegawai-Pegawai TNB2	8-29 Feb 12
147	Enhancing Integriti Practise For TM Suppliers	18-Apr-12
148	Program Latihan Ikrar Integriti Korporat TNB-Kontraktor	19-Apr-12
149	Program Latihan Integriti Korporat TNB	26-27 Jun 12
150	Program Pegawai Integriti Bertauliah [CeIO] Siri 2/2012	9-13 Julai 12 6-10 Aug 12 3-7 Sept 12 8-16 Okt 12
151	Kursus Pengukuhan Integriti Sektor Awam [JPM]	16-17 Jul 12
152	Enhancing Integriti Practise For TM Suppliers	17-Jul-12
153	Seminar Pencegahan Rasuah1	6-Oct-12
154	Program Latihan Integriti Korporat Telekom Malaysia/Vendors	17-Oct-12
155	Seminar Bicara Ilmu Siri 2 Bil. 1/2012 - Memacu Kerjasama Global Dalam Pencegahan Rasuah: Peranan Warga SPRM	24-Apr-12
156	Certified Training Profesional [CTP]	14-16, 21-25 dan 28-29 Mei 2012
157	Taklimat Penubuhan Unit Integriti di PDRM, KDRM, Imigresen dan JPJ	21-23 Mei 12
158	Seminar Bicara Ilmu Siri 3 Bil. 2/2012 - Membina Jaringan Kerjasama Global Dalam Pemantapan Pencegahan Rasuah	21-Jun-12
159	Bengkel Pembangunan Model Kompetensi Kepimpinan SPRM	16-20 Julai 12
160	Bengkel Pembangunan Model Kompetensi Kepimpinan SPRM	31 Jul-2 Ogos 12
161	Bengkel 'Emerging Leaders Programme For Grade P52 Officers'	4-6 Sept 12
162	Seminar Bicara Ilmu Siri 4 Bil. 3/2012	7-Sep-12
163	Seminar Pengukuhan MACA1	6-19 Dis 12
164	Kursus 'GLOBAL LEADERSHIP PROGRAM FOR STRATEGIC LEADERS IN THE NEW MILLENNIUM'	23-25 Okt 12
165	Kursus 'Team Based Leadership: Building High Performance Team'	11-13 Dis 12

**KURSUS UNTUK AGENSI LUAR TAHUN 2012**

BILK	URSUST	ARIKH
1	Program Pegawai Integriti Bertauliahan [CeLO] Siri 1/2012	13-17 Feb 12 5-9 Mac 12 9-13 Apr 12 7-15 Mei 12
2	Enhanching Integrity Practise For TM Suppliers1	4-Feb-12
3	Program Latihan Ikrar Integriti Korporat [CIP] - Untuk Pegawai-Pegawai TNB	28-29 Feb 12
4	Kursus SPAI JPJ Siri 1/2012	-4 Apr 12
5	Enhancing Integriti Practise For TM Suppliers	18-Apr-12
6	Program Latihan Ikrar Integriti Korporat TNB-Kontraktor	19-Apr-12
7	Kursus Penyiasatan Untuk Pegawai-Pegawai Telekom Malaysia [TM] Tahun 2012	24-26 Apr 12
8	Kursus TOT Penyiasatan Untuk Pegawai-Pegawai Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia [KPT]	8-10 Mei 12
9	Kursus Penyiasatan Untuk Pegawai-Pegawai TNB 2	2-24 Mei 12
10	Program Latihan Integriti Korporat TNB	26-27 Jun 12
11	Kursus Penyiasatan Untuk Pegawai-Pegawai Telekom Malaysia [TM] Siri 2	26-28 Jun 12
12	Kursus Asas Perisikan Pegawai LHDN	9-13 Julai 12
13	Kursus Perisikan Pegawai Pos Malaysia	16-18 Julai 12
14	Kursus Pengukuhan Integriti Sektor Awam [JPM]	16-17 Jul 12
15	Enhancing Integriti Practise For TM Suppliers	17-Jul-12
16	Kursus Penyiasatan Untuk Pegawai-Pegawai dari Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia [KSM]	1-5 Okt 12
17	Bengkel Pemantapan Sistem Prosedur dan Pengurusan Hasil Bumi (Kes Kecurian Pasir)	16-18 Okt 12
18	Program Latihan Integriti Korporat Telekom Malaysia/Vendors	17-Oct-12
19	Bengkel Pemantapan Sistem Prosedur dan Pengurusan Hasil Hutan (Kes Pembalakan Haram)	4-6 Dis 12
20	Kursus Asas Penyiasatan Dan Perisikan Untuk Pegawai-Pegawai Dari Agensi/Jabatan/Swasta/Tempatan	10-14 Dis 12
21	Program Pegawai Integriti Bertauliahan [CeLO] Siri 2/2012	9-13 Julai 12 6-10 Aug 12 3-7 Sept 12 8-16 Okt 12



Peneraju Pusat  
Kecemerlangan Pencegahan Rasuah

AKADEMI PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA (MACA)  
PERSIARAN DUTA OFF JALAN DUTA  
50480 KUALA LUMPUR  
TELEFON : 603-6209 2800  
FAKS : 603-6201 8539  
EMAIL : [maca.info@sprm.gov.my](mailto:maca.info@sprm.gov.my)  
PORTAL : [maca.sprm.gov.my](http://maca.sprm.gov.my)